NASKHAH PERCUMA EDISI KE- 85 31 Januari - 6 Februari 2022 28 Jamadilakhir - 4 Rejab 1443H PP 19464/D4/2019/ (035072) Sejak 1982 www.melakahariini.my

ملاك هاري اين

Mhi Sejak 1982

# MELAKA HARI INI

Menyambut Ulang Tahun Ke-40

40 Tahun MELAKA HARI INI Mewarnai Melaka sejak 1982



## TYT terima pangkat kehormat

4



Dapatkan e-paper MHI di sini

# Kekalkan Keharmonian

- KETUA Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dalam ucapannya sempena Tahun Baharu Cina mengajak rakyat mengekalkan keharmonian dan memacu kemakmuran Negeri Melaka tercinta.

**MHI mengucapkan Selamat Tahun Baharu Cina 2022 kepada masyarakat Tionghua yang menyambutnya**

## Tapak pelupusan hampir 'tenat'?

6&7




## Melaka Sentral pindah?

26



## Ikon asam pedas Melaka

28



# Tahun Baharu Cina istimewa di hati Sulaiman



**SULAIMAN berkongsi kemeriahan Tahun Baharu Cina bersama pemimpin-pemimpin masyarakat Cina di Dewan Seri Bendahara, baru-baru ini.**

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**SERI BENDAHARA** - Kemeriahan sambutan Tahun Baharu Cina bersama masyarakat berbilang kaum di kampung merupakan antara kenangan yang kekal terpahat di hati Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Beliau berkata, sebagai anak jati Lendu yang membesar di Kampung Durian Daun dan tinggal berhampiran kejiranan masyarakat Tionghua di Kampung Baru Lendu, kemeriahan itu sentiasa dirasai setiap kali tiba musim perayaan istimewa itu.

Bukan sahaja kaum Cina, malah, katanya, masyarakat Melayu dan India turut bersama menumpang kemeriahan itu setiap kali tiba apa jua musim perayaan.

"Sungguh bertuah dan seronok membesar dalam masyarakat pelbagai kaum, saya sendiri pun banyak belajar mengenal budaya dan adat resam mereka.




"Tahun Baharu Cina adalah antara festival kebesaran yang dinanti-nantikan oleh semua kanak-kanak kampung bukan sahaja orang Cina bahkan Melayu dan India.

"Memori saya bila tiupnya angin utara (beifong), bermakna sudah tibalah masa untuk kita meraikannya dan masyarakat Cina juga pastinya akan mula sibuk membersihkan rumah, mencuci lantai, perabot pun dibawa keluar untuk dicuci," katanya dalam rakaman video istimewa sempena Tahun Baharu Cina 2022.

Menurut Sulaiman, antara nostalgia yang tidak dapat dilupakan ialah melihat persiapan kaum ibu dan orang muda menjelang perayaan tersebut.

"Macam masa saya waktu sekolah dulu-dulu, setiap kali balik sekolah sahaja mulalah bau wangi aroma kuih bahulu, kuih kapit, kuih bangkit dan kuih 'beepang' yang disediakan .

"Orang muda juga memang tak mahu ketinggalan untuk menghias kawasan rumah dengan bunga-bunga imlek (Meihua), selain menggantung tanglung, serta menampal hiasan kaligrafi Tahun Baharu Cina.

"Inilah antara nostalgia yang tidak dapat saya lupakan," luahnya.

Di akhir rakaman, Sulaiman turut menzahirkan ucapan Tahun Baharu Cina kepada seluruh masyarakat Tionghua di Melaka.

"Kemeriahan sambutan Tahun Baru Cina dikongsi bersama. Malaysia cantik kerana kepelbagaian tradisi budayanya, rakyat terus hidup harmoni saling bermuafakat.

"Marilah kita bersama-sama menuju Negeri Melaka yang lebih Maju Jaya, Rakyatnya Bahagia, terus Menggamit Dunia.

"Sekali lagi, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya berharap sambutan tahun 'harimau' pada kali ini akan lebih meriah serta menambah kemakmuran untuk seluruh rakyat Malaysia khususnya di Melaka," tambahnya.

## WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang lelaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.

31 Januari - 06 Februari 2022 (28 Jamadilakhir - 04 Rejab 1443H)

| | SUBUH | SYURUK | ZOHOR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 31 JANUARI 2022 | 6.13 am | 7.24 am | 1.27 pm | 4.48 pm | 7.26 pm | 8.38 pm |
| 01 FEBRUARI 2022 | 6.14 am | 7.25 am | 1.27 pm | 4.48 pm | 7.27 pm | 8.38 pm |
| 02 FEBRUARI 2022 | 6.14 am | 7.25 am | 1.27 pm | 4.48 pm | 7.27 pm | 8.39 pm |
| 03 FEBRUARI 2022 | 6.14 am | 7.25 am | 1.27 pm | 4.48 pm | 7.27 pm | 8.39 pm |
| 04 FEBRUARI 2022 | 6.14 am | 7.25 am | 1.27 pm | 4.48 pm | 7.27 pm | 8.39 pm |
| 05 FEBRUARI 2022 | 6.14 am | 7.25 am | 1.28 pm | 4.48 pm | 7.27 pm | 8.39 pm |
| 06 FEBRUARI 2022 | 6.14 am | 7.25 am | 1.28 pm | 4.48 pm | 7.27 pm | 8.39 pm |

www.melakahariini.my Melaka Hari Ini

1. Ketua Polis Melaka, **Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali**



"Selamat Tahun Baharu Cina kepada seluruh masyarakat Tionghua khususnya di negeri Melaka, sambutlah perayaan ini dengan penuh harmoni dengan semangat Keluarga Malaysia tetapi apa yang penting fikir juga tentang keselamatan nyawa apabila berada di jalan raya dan juga keselamatan harta benda"



2. EXCO Perpaduan Negeri & ADUN Machap, Jaya, **Ngwe Hee Sem**

"Sudah pasti sambutan Tahun Baharu Cina dinanti dengan penuh gembira walaupun disambut dalam norma baharu kerana ahli keluarga dapat berkumpul serta menjamu hidangan 'makan besar'. Walaupun tiada rumah terbuka namun aktiviti ziarah antara ahli keluarga amat bermakna dan dapat mengeratkan silaturahim apabila dapat berkumpul. Namun begitu saya amat berharap agar semua khususnya rakyat Melaka sentiasa berjaga-jaga dan amalkan penjarakan sosial serta ambil langkah berjaga-jaga dengan sentiasa memakai pelitup muka serta menggunakan pembasmi cecair kuman. Ingat, dalam keseronokan meraikan perayaan, jangan sesekali mengabaikan keselamatan diri.

3. Setiausaha Khas Hal Ehwal Masyarakat Ketua Menteri Melaka, **Yong Fuan Juan**



"Semua tahu sejak pandemik COVID-19 melanda, banyak sektor seperti pelancongan, perhotelan, perniagaan terjejas, selain ramai yang hilang pekerjaan. Jadi kita harap tahun ini semua dapat semangat untuk menghadapi pandemik ini.

Walaupun kerajaan membenarkan 'reunion' dan aktiviti kunjung mengunjung menziarahi keluarga, namun harus diingat prosedur operasi standard (SOP) perlu dijaga. Sekarang dapat meraikan Tahun Baharu Cina lebih selesa, namun rakyat perlu sentiasa berwaspada dan kurangkan aktiviti melibatkan ramai orang dalam sesebuah majlis".



4. Presiden Persatuan Pelancongan Melaka (MTA), **Madelina Kuah.**

"Selamat Tahun Baharu Cina kepada semua yang menyambut perayaan ini, kita sangat gembira tahun ini merupakan tahun harimau yang melambangkan kemakmuran yang mana ia diharap dapat menjadi medan untuk membantu komuniti yang berbeza dan bersama-sama membantu satu sama lain. Dalam menyambut Tahun Baharu Cina jangan lupa untuk sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal, memakai pelitup muka, menggunakan cecair pembasmi kuman dan jaga kesihatan. Semoga tahun harimau ini akan memberi lebih kemakmuran dan kekayaan buat semua masyarakat. Selamat Tahun Baru Cina!!!"

5. Pengerusi Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) Melaka, **Goh Hock Gin**



"Semua orang boleh raikan Tahun Baharu Cina bersama sebab kita rakyat Malaysia berbilang kaum tidak mengira bangsa atau perayaan. Tahun ini adalah tahun harimau, jadi saya harap lebih kemakmuran dan sinar dapat diperolehi bersama. Diharap prosedur operasi standard (SOP) Tahun Baharu Cina kali ini lebih santai seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Bagi saya dan keluarga tahun ini adalah tahun untuk kami meraikan bersama seisi keluarga selepas dua tahun terpaksa melupakan sambutan perayaan itu".

# Bukan Beijing, ini Machap Umboo!



PENDUDUK kampung melintasi jalan yang dihiasi dengan tanglung dan lampu hiasan yang dipasang di Kampung Baru Machap Umboo. Foto Iqmal Haqim Rosman

**Iqmal Haqim Rosman**

Selamat Tahun Baharu Cina 2022

**MACHAP JAYA** - Kampung Baru Machap Umboo, di sini, tiba-tiba sahaja berubah wajah tidak ubah seakan-akan seperti di Beijing, China.

Ia selepas perkampungan itu dihiasi dengan warna-warni lampu neon dan ribuan tanglung bersempena sambutan Tahun Baharu Cina kali ini.

Perubahan itu menyaksikan kampung berkenaan mula dikunjungi orang ramai yang ingin mengabadikan foto kenangan bersempena perayaan istimewa kaum Tionghua itu.

Seorang pengunjung, Chin Yean Fei antara yang mengambil kesempatan merakam gambar kenangan berlatar belakangkan hiasan lampu neon di situ.

Selain itu, pasangan adik beradik, Ng Zi Qi, 17 dan Ng Zi Qing, 14 turut tidak melepaskan peluang berswafoto di kampung berkenaan.

Tinjauan Melaka Hari Ini mendapati suasana di kampung itu kelihatan cukup meriah yang tidak putus-putus menerima kunjungan orang ramai.

Kemeriahan itu lebih dirasai apabila malam menjelma yang menyaksikan suasana di kampung itu lebih hidup dengan hiasan lampu berwarna-warni.

Difahamkan, kerja-kerja mengindahkan perkampungan itu dilakukan secara bergotong-royong oleh penduduk.

Dengan dana yang dikumpul pelbagai pihak, baik wakil rakyat dan orang perseorangan kerja-kerja menghias perkampung itu mengambil masa kira-kira seminggu.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap Jaya, Ngwe Hee Sem berkata, pihaknya bersama kerajaan negeri bercadang membangunkan lokasi itu sebuah sebuah ikon pelancongan baharu Melaka di masa akan datang.

# Teruja dapat balik kampung beraya

**Liana Sahabudin**

**BANDA HILIR** - Keterujaan kaum Tionghua menyambut Tahun Baharu Cina jelas terpancar susulan tiada lagi larangan rentas negeri berbanding tahun lalu, malah kelonggaran meneruskan tradisi makan besar keluarga dibenarkan tanpa sekatan jarak.

Pekerja swasta, Daniel Kwan, 25 berkata, dia sangat gembira apabila tahun ini dapat meraikan Tahun Baharu Cina di kampung ayahnya di Kuala Lumpur berikutan hampir dua tahun tidak pulang beraya.

Katanya, dalam tempoh itu, dia sangat rindukan suasana kemeriahan menyambut perayaan itu berikutan sudah lama tidak berkumpul bersama saudara-mara terdekat.

"Akhirnya saya boleh balik kampung, ini saat yang paling ditunggu setelah hampir dua tahun tidak raya bersama keluarga.

"Saya sudah ambil cuti empat hari. Baju raya, persediaan raya semua dah siap, tunggu waktu sahaja hendak balik kampung.

"Sangat gembira dan teruja, hari ini dapat tengok tarian singa dapatlah lepas rindu suasana Tahun Baharu Cina," katanya kepada Melaka Hari Ini ketika ditemui di Dataran Pahlawan Melaka Megamall (DPMM).

Nada sama turut dikongsikan Cherry Ng, 25, yang gembira apabila dapat kembali melihat kemeriahan perayaan tersebut dengan melakukan pelbagai aktiviti apabila diberi kelonggaran tahun ini.

"Biarpun tidak balik kampung halaman di Sabah, namun tahun ini saya dapat beraya di Melaka.

"Rasa sangat gembira sebab dapat sambut raya kali ini dan tahun ini lebih bermakna kerana boleh makan malam dengan keluarga ramai-ramai," katanya.

Tinjauan di beberapa kawasan di sekitar Banda Hilir menyaksikan masyarakat Cina mula sibuk melakukan persiapan menyambut perayaan.



DANIEL



CHERRY

Malah, beberapa peniaga di kawasan itu turut mengakui kemeriahan tahun ini lebih dirasai apabila lebih ramai pengunjung membeli perhiasan dan kelengkapan rumah susulan lebih banyak kelonggaran diberi kerajaan.

# Dekorasi tanglung, bunga hiasi Bandaraya Melaka



ANTARA dekorasi bermotifkan bunga dan tanglung yang dipasang di sekitar Bandaraya Melaka.

**BANDARAYA MELAKA** - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) mengambil inisiatif menghiasi beberapa lokasi tumpuan dengan dekorasi tanglung dan bunga.

Dekorasi itu bertujuan memeriahkan lagi sambutan Tahun Baharu Cina dan musim bunga yang akan tiba.

Datuk Bandar MBMB Datuk Zainal Abu berkata, antara lokasi yang dihiasi dekorasi bermotifkan bunga dan taglung ialah seperti di Jejambat Al-Aziz, Jejantas Tun Sri Lanang dan Jejantas Panggung Bangsawan.

Selain itu, katanya, dekorasi lengkap dengan lampu hiasan untuk kelihatan menarik pada waktu malam itu turut dipasang di Bangunan Merah Banda Hilir, Jejantas Melaka Sentral dan Jejambat Paya Rumput.

"Menjelang musim perayaan Tahun Baharu Cina ini, kami sentiasa ingin mengingatkan anda untuk patuhi SOP MKN yang telah ditetapkan.

"Raikanlah dalam suasana sederhana namun meriah di kala negara masih belum menang dengan pandemik COVID-19," katanya.

# Tun Mohd Ali terima pangkat kehormat Ketua Pesuruhjaya Bomba

Liana Sahabudin

**AYER KEROH** - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menganugerahkan pangkat kehormat Pesuruhjaya Bomba kepada Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam.

Menerusi hantaran di Facebook Rasmi Istana Melaka, Majlis Penganugerahan Pangkat Kehormat itu disempurnakan Ketua Pengarah JBPM Datuk Seri Mohammad Hamdan Wahid, di Pejabat TYT di Seri Negeri, di sini, 27 Jan lalu.

Hadir sama pada majlis penganugerahan itu adalah Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JBPM, Datuk Edwin Galan Teruki, Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat, Mohamad Shoki Hamzah dan Pengarah JBPM negeri, Abu Bakar Katain.



TUN Mohd Ali (depan tengah) bergambar bersama kakitangan JBPM selepas majlis penganugerahan Pangkat Kehormat di pejabatnya di Seri Negeri.

# 32,800 asnaf, B40 naik bas percuma tanpa had

Faiz Hasan

**AYER MOLEK** - Seramai 32,800 golongan asnaf dan B40 akan menerima manfaat untuk menggunakan perkhidmatan bas awam secara percuma pada bila-bila masa tanpa had di negeri ini.

EXCO Pengangkutan negeri, Datuk Rahmad Mariman berkata perancangan itu akan direalisasikan bermula Feb ini selaras dengan Manifesto Barisan Nasional (BN) bagi menjana pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam di Melaka.

Jelasnya, golongan sasar itu akan diberikan kad khas bagi mengakses perjalanan pergi dan balik bagi mendapatkan perkhidmatan awam itu di lokasi ditetapkan.

"Kita akan mendapatkan senarai penerima ini menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) kemudian akan diserahkan secara terus kepada mereka.

"Insya-Allah inisiatif ini sedang dilaksanakan kerajaan negeri dan akan mencapai 100 peratus dalam tempoh 100 hari ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Penutupan Program Touchpoint Suruhanjaya Tenaga diadakan di Kampung Batu Putih, di sini, 25 Jan lalu.

Hadir sama, Pengarah Pejabat Kawasan Suruhanjaya Tenaga Negeri Sembilan dan Melaka, Ir Nur Ali Za Omar.

Dalam pada itu, Rahmad berkata, pelbagai inisiatif lain juga akan memberi manfaat kepada rakyat di negeri ini dalam janji manifesto kerajaan negeri bagi mentadbir negeri ini selepas kemenangan BN pada Pilihan Raya Negeri (PRN), November lalu.

"Antara penambahbaikan lain akan kita laksanakan seperti kemudahan orang kelainan upaya (OKU), penyediaan stesen berehat kepada pemandu e-hailing serta pelbagai lagi," katanya.



RAHMAD (kiri) menyantuni penduduk di Surai Kiyai Haju Husin pada program Touchpoint Suruhanjaya Tenaga, baru-baru ini.

# Melaka tubuh jawatankuasa tangani haiwan perosak

Fiqa Jamal

**BATU BERENDAM** - Kerajaan negeri menubuhkan jawatankuasa bertindak khas (task force) bagi menangani masalah babi hutan dikesan berkeliaran di beberapa kawasan penempatan di negeri ini.



ABDUL Razak

EXCO Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Abdul Razak Rahman berkata 'task force' itu membabitkan petugas daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

Katanya, aduan daripada orang ramai yang berasa terancam dengan kehadiran haiwan liar itu juga semakin kerap diterima pihaknya.

"Isu babi hutan ini kita telah mengambil tindakan menerusi PERHILITAN dan sudah mewujudkan task force untuk menanganinya kerana penduduk berasa terancam.

"Malahan ada juga aduan diterima babi hutan ini turut merosakkan tanaman hingga ada antara pengusaha tanaman menanggung kerugian mencecah ribuan ringgit," katanya.

Beliau berkata, demikian pada sidang media selepas Majlis Penyampaian Bayaran Insentif Sara Hidup secara *One-Off* kepada 1,176 nelayan berdaftar negeri Melaka tahun 2022 di Lembaga Perikanan Melaka, di sini, 25 Jan lalu.

Dalam pada itu, beliau meminta penduduk terkesan dengan ancaman babi hutan agar tidak bimbang terhadap kemungkinan berlakunya penularan jangkitan Demam Babi Afrika (ASF).

Katanya ia berikutan, jangkitan ASF hanya membabitkan ternakan babi komersial.

"Kerajaan negeri dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sudah mengambil langkah pencegahan awal termasuk mewartakan 36 ladang ternakan babi di Paya Mengkuang, Masjid Tanah sebagai kawasan wabak dan kawalan penyakit.

"Jadi penduduk tak usah risau, ASF tidak menjangkiti manusia dan hanya membabitkan ternakan babi komersial sahaja," katanya.




BERSATU TEGUH
MELAKA
Selamat Menyambut
TAHUN BAHARU
CINA
2022
SETULUS IKHLAS DARIPADA
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
DAN
YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, YB EXCO, YB AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI,
DAN SELURUH ANGGOTA PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA
MELAKAKU MAJU JAYA,
RAKYAT BAHAGIA,
MENGGAMIT DUNIA

# Tapak pelupusan Melaka kian 'tenat'?

**Liana Sahabudin**

**BANDARAYA MELAKA** - Kepesatan pembangunan dan perkembangan ekonomi Melaka, antara faktor yang boleh memendekkan jangka hayat Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sungai Udang yang dijangka hanya mampu bertahan hingga Sept 2024.

Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Melaka Khairuladha Mutalib berkata, tidak menolak kemungkinan perkara itu akan berlaku sekiranya tiada jalan penyelesaian dilakukan lebih awal.

Beliau berkata, peningkatan jumlah sisa pepejal setiap tahun adalah sesuatu yang tidak dapat dielak berikutan akan berlakunya perkembangan sektor ekonomi dalam negeri.

"Lebih banyak aktiviti ekonomi, maka jumlah sisa pepejal yang dihasilkan juga akan turut meningkat.

"Seperti contoh, kita ambil data perbandingan peningkatan sampah dua tahun sebelum ini yang mana pada 2020 keseluruhan sisa pepejal dihantar ke tapak pelupusan sebanyak 335,196.26 tan dan jumlah itu meningkat sebanyak 358,131.45 tan sampah pada 2021.

"Kalau kita lihat trend harian kedua-dua tahun ini, tahun 2020 purata harian sebanyak 918 tan sehari, manakala tahun 2021 sebanyak 981 tan sehari dan ianya menunjukkan peningkatan sebanyak 63 tan sehari atau 6.4 peratus.

"Jadi pengurusan sisa pepejal yang baik amat perlu dalam usaha mengatasi masalah ini," katanya dalam satu wawancara khas bersama Melaka Hari Ini.

Khairuladha berkata, peningkatan sisa pepejal juga disumbangkan oleh peningkatan premis perniagaan, kilang dan pemilik bangunan yang melantik kontraktor sendiri bagi penghantaran sisa pepejal ke tapak pelupusan sampah.

"Kita ambil contoh hotel, pusat beli-belah dan restoran persendirian, mereka melantik kontraktor berlesen di bawah Akta 672, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 untuk menguruskan sampah dan dihantar ke tapak pelupusan.

"Kontraktor ini akan menghantar sisa pepejal ke tapak pelupusan dan sebab itulah ia menjadi antara faktor peningkatan sisa pepejal di negeri," katanya.




**KHAIRULADHA menunjukkan keadaan semasa dan perancangan yang akan dilakukan di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sungai Udang.** Foto: Iqmal Haqim Rosman

Sehubungan itu katanya, perancangan untuk membina Loji Sisa Ke Tenaga (WTE) atau insinerator dilihat mampu menangani dan menampung peningkatan jumlah sisa pepejal di negeri ini.

Beliau berkata, mengikut perancangan kemudahan pelupusan sampah mesra alam itu akan dibina di tapak seluas 3.84 hektar dan mampu memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah sedia ada hingga 80 tahun.

Khairuladha berkata, reka bentuk dan teknologi insinerator yang melupuskan sampah dengan cara pembakaran juga menjimatkan ruang di tapak pelupusan sampah kerana bahan akhir dilupuskan adalah abu sisa pepejal.

"Kalau di Melaka ini kita sedia maklum bahawa tanah semakin terhad, jadi kerajaan negeri tidak bercadang untuk buka tapak pelupusan yang baharu.

"Insinerator ini bukan hanya menjimatkan ruang, malah sisa hasil pembakaran akan terurai dengan lebih cepat," katanya.

# Semua perlu main peranan urus sampah secara efisien - SWM

**Faiz Hasan**

**AYER KEROH** - Pembinaan insinerator bukan penyelesaian utama bagi masalah pelupusan sisa pepejal di negeri ini, sebaliknya ia perlu disokong sistem pengurusan sampah yang cekap, selain kerjasama perlu dimainkan semua pihak.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment Sdn Bhd Mohd Norlisam Mohd Nordin berkata, biarpun teknologi mesra alam itu mampu menjimatkan ruang dan menjana tenaga namun pengoperasiannya perlu berketepatan dengan jenis sampah mahu dilupuskan.

Menjelaskan perkara itu Mohd Norlisam berkata, pelbagai jenis sisa pepejal dihantar ke tapak pelupusan, namun 60 peratus daripadanya adalah komposisi bahan basah termasuk makanan.

"SWM ada program tersendiri yang sudah dilaksanakan secara berterusan iaitu program 3R iaitu (Reduce, Reuse, Recycle) bertujuan mengitar semula dan mengurangkan penghasilan sampah untuk dihantar ke tapak pelupusan di negeri ini.



**MOHD Norlisam**

"Menerusi program ini kita mendekati masyarakat untuk memberi pendedahan dan kesedaran bahawa pentingnya pengurusan sisa pepejal yang sempurna menerusi sistem pengasingan sisa di punca.

"Ia secara tidak langsung dapat mengurangkan jumlah sisa pepejal itu untuk dihantar ke tempat pelupusan," katanya.

Sementara itu Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Melaka pula menyarankan mana-mana pemain industri mempunyai teknologi mesin menghancurkan pokok (shredder machine) membantu dalam menguruskan pelupusan sisa organik di negeri ini.

Pengarahnya Khairuladha Mutalib berkata, kaedah itu bagi membantu mempercepatkan proses pelupusan sisa pokok di Tapak Pelupusan Sampah Sanitari Sungai Udang selain menjimatkan ruang sedia ada.

"Mungkin pemain-pemain di luar sana memiliki terknologi ini yang boleh membantu memudahkan lagi pengurusan sisa pokok di tapak pelupusan," katanya.

Beliau berharap, orang ramai dan pemain industri dapat mengurangkan jumlah sampah yang boleh dikitar semula agar tapak pelupusan sedia ada tidak melebihi kapasiti ditetapkan.

"Ada barang lusuh boleh dikitar semula dan jadi sumber pendapatan contoh menerusi program '*trash to cash*' yang sedang kita praktikkan.

"Program ini bertujuan memberi galakkan kepada orang ramai menjana pendapatan dengan menjual semula sisa pepejal atau barang luruh boleh dikitar semula," katanya.



**PEKERJA SWM menjalankan kutipan sampah secara berkala di setiap taman perumahan.**

# Melaka sedia pelan alternatif urus sampah - EXCO

Fiqa Jamal

**AYER KEROH** - Kerajaan negeri tidak pernah bersikap lepas tangan dalam segala isu membabitkan kepentingan rakyat termasuk membabitkan masalah sampah yang dikhuatiri tidak mampu dibendung dalam beberapa tahun lagi.

EXCO Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Negeri Datuk Zaidi Attan berkata, walaupun data menunjukkan tapak pelupusan sedia ada hanya mampu bertahan sehingga Sept 2024, namun pihaknya sudah bersedia untuk mengatasi masalah tersebut.

Dalam satu wawancara bersama Melaka Hari Ini, Zaidi memaklumkan terdapat beberapa pelan alternatif sudah dirangka untuk memastikan masalah pelupusan sampah dan sisa pepejal di negeri ini dapat diatasi sebaiknya.

Menurutnya, antara langkah utama yang diambil kerajaan ialah membangunkan sebuah projek Loji Sisa ke Tenaga (WTE) atau insinerator yang berfungsi melupuskan sisa pepejal secara lebih efektif tanpa membabitkan ruang yang besar.

"Insinerator ini sangat bagus kerana ia boleh menjadi satu mekanisme baharu untuk negeri menjana tenaga dan pada masa sama mengurangkan bebanan kewangan kerajaan negeri dalam menyediakan pusat pelupusan sampah.

"Perlu tahu bahawa kos untuk tapak pelupusan sampah bukannya rendah yang mana kita berdepan bebanan apabila kuantiti sampah di negeri ini terus meningkat saban tahun.

"Sebelum ini kita jangka kuantiti sampah di Melaka adalah pada kadar 500 tan hingga 800 tan sehari, namun kini ia sudah mencecah 1,000 tan sehari sebelum tiba pada masanya.

"Sebab itulah pentingnya ada loji WTE atau insinerator ini yang bukan sahaja membantu aspek pelupusan sisa pepejal, bahkan membantu kita menghasilkan tenaga yang boleh menjana pendapatan," katanya.

Meskipun segala perancangan mengenai projek insinerator itu telah bermula awal, namun Zaidi mengakui terdapat beberapa kekangan yang menyebabkan projek berkenaan masih tergendala.

Jelasnya, masalah itu disebabkan beberapa isu teknikal terutamanya membabitkan aspek pemilikan tanah yang sedikit merencatkan pembinaan insinerator berkenaan.

Oleh sebab itu, menurutnya, satu lagi pelan sandaran (back-up plan) telah dilakukan iaitu membangunkan tapak pelupusan (landfill) ketiga di negeri ini.

Katanya, tapak pelupusan itu akan dibangunkan di tanah seluas hampir 26 hektar di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sungai Udang, yang mana ia kini dalam proses pembinaan dan pengambilan tanah.

"Jadi proses ini telah selesai pada 18 Jan lalu dan ia dalam proses pembinaan dan kita yakin ia dapat menyelesaikan masalah sampah sekiranya insinerator tidak siap mengikut jadual.

"Ini bermakna, apa-apa yang akan berlaku daripada sekarang hingga Sept 2024 nanti, kita sudah bersiap sedia dengan pelan A dan pelan B untuk memastikan pengurusan sampah di Melaka berjalan lancar," ujarnya.



ZAIDI dalam wawancara khas bersama Melaka Hari Ini.
Foto: Iqmal Haqim Rosman




ILUSTRASI perancangan pengurusan sisa pepejal di Tapak Pelupusan Sanitari Sungai Udang.

Infografik

## PELAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI MELAKA

### APA ITU INSINERATOR?

Insinerator atau Loji Sisa ke Tenaga (WTE) merupakan antara kaedah pelupusan sisa pepejal dengan cara pembakaran. Ia bertindak membakar sisa di samping meminimumkan jumlah pelupusan sisa pepejal di tapak pelupusan sampah. Kaedah pembakaran itu mengamalkan konsep teknologi hijau dan dikawal rapat Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk mengelakkan pencemaran.

### STATUS PEMBINAAN

Masih tergendala disebabkan isu teknikal termasuk pemilikan tanah.

### INSINERATOR DI MELAKA

Akan dibangunkan di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sungai Udang di tanah seluas 3.84 hektar.



### DIJANGKA SIAP

Sasaran 2026

### PLAN KONTINJENSI

- Membangunkan tapak pelupusan (landfill) baharu di tanah seluas hampir 26 hektar di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sungai Udang
- Dijangka boleh digunakan bermula 2023

Infografik : Melaka Hari Ini Sumber: SWCORP Melaka

**N02 - TANJUNG BIDARA**

# Tolak ansur formula keharmonian kaum - Ab Rauf

Salman Hamat

FOKUS DUN

**TANJUNG BIDARA** - Sambutan Tahun Baharu Cina kali ini lebih bermakna buat 100 golongan kurang berkemampuan dalam kalangan masyarakat Tionghua apabila diraikan pada Program Sambutan Tahun Baharu Cina 2022 Peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Bidara.

Pada program di Dewan Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Tanjung Bidara itu penerima pelbagai peringkat umur menerima sumbangan angpau dan limau mandarin.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bidara Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, kemeriahan sambutan Tahun Baharu Cina turut dirasakan kaum lain di negeri ini.

"Menghormati dan menghargai perasaan kaum lain adalah formula keharmonian di negara ini. Kita keluarga Masjid Tanah tidak kekok untuk meraikan dan merasakan kemeriahan perayaan pelbagai kaum.

"Setiap kaum juga ada peranan masing-masing, sebab itu kita hidup dalam keadaan aman damai," katanya.

Dalam majlis berasingan Ab Rauf, turut menyampaikan 50 kit makanan kepada golongan kurang berkemampuan sekitar DUN Tanjung Bidara.



**AKSI spontan Ab Rauf ketika melayan kerenah warga emas, Yu Kuan dari Kampung Pengkalan Balak pada Program Sambutan Tahun Baharu Cina Peringkat DUN Tanjung Bidara.**

**N01 - KUALA LINGGI**

## Rai 87 anak Kuala Linggi cemerlang UPKK

**KUALA LINGGI** - Seramai 87 murid memperoleh keputusan cemerlang 8A dalam Peperiksaan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) 2021 yang lalu diraikan pada majlis berlangsung di Dewan Jawatankuasa Penyelarasan dan Pembangunan Dewan Undangan Negeri Dun (JAPERUN) Kuala Linggi, baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Linggi, Rosli Abdullah berkata, jumlah itu membabitkan murid daripada enam sekolah rendah agama (SRA) sekitar DUN berkenaan.

"Alhamdulillah dan tahniah saya ucapkan kepada murid yang memperoleh keputusan cemerlang. Semoga sumbangan disampaikan menyuntik semangat mereka untuk terus maju pada masa akan datang.

"Saya mendoakan agar selepas ini semua anak didik dalam DUN Kuala Linggi terus maju demi bangsa agama dan negara," katanya.

Sebagai bekas guru, beliau turut mengucapkan tahniah kepada warga pendidik SRA yang bersungguh-sungguh menjalankan tanggungjawab diamanahkan hingga mencatatkan jumlah murid cemerlang dalam jumlah yang ramai.



**ROSLI (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada murid cemerlang UPKK.**

**N03 - AYER LIMAU**



**HAMEED (tengah) menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penerima bersempena program SWM Kasih Misi Sampul Merah di JAPERUN Ayer Limau.**

## Kongsi 'sampul merah' bersama keluarga B40

**AYER LIMAU** - Seramai 30 penduduk berbangsa Cina sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Limau menerima sumbangan menerusi program SWM Kasih Misi Sampul Merah yang berlangsung baru-baru ini.

Inisiatif tanggungjawab sosial korporat SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) itu menyasarkan penduduk dalam kalangan keluarga B40 serta mereka yang terjejas dalam musibah banjir, baru-baru ini.

Program itu turut disertai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Limau Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer.

Menurut Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Mohd Norlisam Mohd Nordin, program itu diadakan bertujuan untuk berkongsi kegembiraan Tahun Baharu Cina yang bakal disambut pada 1 dan 2 Feb ini bersama golongan yang kurang berkemampuan.

"Sudah menjadi tradisi SWM Environment melalui SWM Kasih untuk menghulurkan sumbangan kepada masyarakat yang kurang bernasib baik sempena perayaan utama di negara ini.

"Ada dalam kalangan penerima sumbangan ini merupakan mangsa banjir yang melanda Melaka, baru-baru ini.

"Jadi diharapkan sumbangan kecil ini dapat memberi keceriaan dan memeriahkan lagi sambutan Tahun Baharu Cina mereka meskipun baru dilanda musibah banjir," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Norlisam turut mengingatkan orang ramai agar mengelakkan pembaziran makanan semasa musim perayaan.

Ia jelasnya penting dalam memastikan sisa makanan yang dilupuskan di tapak pelupusan dapat dikurangkan.

MELAKA HARI INI
NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315 FAX : 06 - 251 9316

KETUA KANDUNGAN
MOHD SALMAN HAMAT
Salmanhamat@melakahariini.my

PENGARANG
MOHD FAZRUL ABDUL MAJID
fazrul@melakahariini.my

PENGARANG DIGITAL
FARAH SUHAIDAH OTHMAN
farahothman@melakahariini.my

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMALUDIN
m.azren86@gmail.com

JURUFOTO
IQMAL HAQIM ROSMAN

WARTAWAN
MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakahariini.my
LIANA SAHABUDIN
lilyann90@melakahariini.my
FIQA JAMAL
norafiqahjamal93@gmail.com
SITI SALEHAH AL-QADRAWI
sitisalehah@melakaharii

REKABENTUK & GRAFIK
AMBRAN MOHAMED
ambran@melakahariini.my
MIMIE AZURA ABU BAKAR
mimieazura1981@melakahariini.my

IT SUPPORT
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
ABDUL JALIL JAMAR
abduljaliljamar@gmail.com

PEMASARAN
PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI ROSMANI
amz@melakahariini.my
018 - 329 9936

UNIT MEDIA SOSIAL
EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraihanah363@gmail.com
SHARIFAH NORKHALIDAH SYED KHAIDZIR
khalidah@melakahariini.my

MELAKA TV
WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAIKAL
farishaikal.zakaria@melakahariini.my
AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI
aufaizzati98@melakahariini.my
JURUVIDEO
MOHD ZAIDI YAACOB
PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakahariini.my

N04 - LENDU

# Wujudkan rumah transit di setiap DUN

Fiqa Jamal

FOKUS DUN

**LENDU** - Kerajaan negeri bercadang mewujudkan Rumah Transit di kesemua 28 Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, rumah transit itu bertujuan untuk memindahkan rakyat negeri ini yang ditimpa musibah sama ada kebakaran, banjir mahupun terlibat keganasan rumah tangga.

Katanya, setakat ini sebanyak lima unit Rumah Transit disediakan di Tehel dan Pokok Mangga.

Kerajaan negeri menerusi Lembaga Perumahan Melaka (LPM) akan membina lagi lima unit rumah dalam masa terdekat.

"Rumah Transit ini dilengkapi perabot dan perkakas yang mana sesiapa sahaja ditimpa musibah boleh masuk serta-merta dan mendiami rumah itu buat sementara waktu.

"Jadi, kita bercadang di setiap DUN akan ada dua unit rumah transit disediakan.

"Ini penting kerana sekiranya terdapat mangsa ditimpa musibah, mereka boleh pergi ke rumah transit berhampiran dan tidak menyusahkan mereka untuk pergi ke lokasi yang lebih jauh dari kawasan tempat tinggal mereka," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Majlis penyerahan Kunci Rumah kepada Rohaya Mat Din dalam Program Melaka Rumahku di Kampung Air Hitam, di sini, yang turut dihadiri Pengarah Eksekutif LPM Mohd Salleh Hamidom, baru-baru ini.

Sulaiman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lendu berkata, penyerahan rumah itu merupakan program tanggungjawab sosial (CSR) LPM yang kedua pada tahun ini.

Katanya, permohonan yang diterima bagi program Melaka Rumahku terlalu banyak, namun ia akan ditapis kepada golongan yang benar-benar layak sahaja.




**SULAIMAN menurunkan tandatangan sebagai simbolik penyerahan rumah Melaka Rumahku di Kampung Ayer Hitam, Lendu.** Foto: Iqmal Haqim Rosman

N06 - REMBIA

# Mangsa, petugas bencana terima bantuan banjir

Faiz Hasan

**REMBIA** - Seramai 100 keluarga mangsa banjir di Rembia telah menerima bantuan kit makanan dan sumbangan wang tunai disampaikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rembia, Datuk Muhammad Jailani Khamis, baru-baru ini.

Muhammad Jailani berkata, bantuan kit makanan serta bantuan wang RM200 ringgit telah diagihkan kepada wakil keluarga terlibat yang berdaftar di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di kawasannya.

Beliau berkata, dalam majlis itu pihaknya turut menyampaikan sumbangan kepada petugas-petugas banjir sebagai penghargaan di atas pengorbanan mereka membantu memindahkan dan menguruskan banjir di DUN Rembia.

"Ini adalah sumbangan tambahan Fasa 1 hasil inisiatif saya menerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Rembia bersama Kementerian Wilayah Persekutuan.

"Majlis Ringkas Penyerahan Sumbangan Bantuan Kewangan dan Kit Makanan Asas yang diadakan baru-baru ini diharapkan dapat mengurangkan bebanan mangsa banjir yang terpaksa berhadapan kejadian banjir yang berlaku," katanya.



**MUHAMMAD Jailani (kanan) menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di Rembia.**

N05 - TABOH NANING

# Mangsa banjir terharu keprihatinan kerajaan

Siti Salehah

**TABOH NANING** - Mangsa terkesan akibat banjir dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Taboh Naning meluahkan rasa syukur apabila musibah menimpa mereka terus mendapat perhatian kerajaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taboh Naning Zulkiflee Mohd Zain berkata, hal itu disuarakan penduduk ketika beliau turun padang menyampaikan sumbangan wang ihsan kepada mangsa terbabit.

Beliau berkata, wang ihsan daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan kerajaan negeri itu diserahkan kepada 25 wakil keluarga mangsa terkesan banjir di Kampung Taboh Naning, Cherana Putih dan Brisu.

"Penerima bantuan menyatakan rasa syukur kerana kerajaan persekutuan dan negeri tidak melupakan mereka, wang ihsan disampaikan amat bermakna dalam meringankan beban membina semula kehidupan selepas banjir.

"Selain wang ihsan, sumbangan lain disampaikan kepada mangsa banjir adalah kit makanan, kelengkapan rumah, dapur gas dan periuk nasi elektrik," katanya

Menurutnya, sempena sambutan Tahun Baharu Cina sumbangan turut diserahkan kepada keluarga keturunan Tionghua dalam kumpulan B40.

"Saya berkesempatan menyantuni dan menyampaikan sumbangan kepada lima keluarga di Taman Seri Naning, dengan bantuan diberikan ini sekurang-kurangnya dapat membantu mereka membuat persiapan meraikan sambutan Tahun Baharu Cina," katanya.



**ZULKIFLEE (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan Tahun Baharu Cina kepada lima keluarga di Taman Seri Naning.**

N08 - MACHAP

# Tuisyen dalam talian DUN Machap diperluas



HEE Sem bergambar bersama pasukan bola sepak Sekolah Menengah Seri Pengkalan ketika mengadakan lawatan ke sekolah itu, baru-baru ini.

**Farah Suhaidah Othman**

FOKUS DUN

**MACHAP JAYA** - Program tuisyen dalam talian di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Machap Jaya akan diperluaskan ke sekolah rendah selepas tamat program sama bagi calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap Jaya Ngwe Hee Sam berkata, setakat ini program tuisyen bagi pelajar Tingkatan 5 sedang dijalankan yang mana jumlah penyertaannya kian meningkat.

Katanya, inisiatif itu mengutamakan pelajar di kawasan berkenaan, namun pelajar terlibat boleh berkongsi program terbabit dengan pelajar di kawasan lain.

"Sambutan amat menggalakkan dan selepas SPM selesai, kita perluaskan kepada murid sekolah rendah pula.

"Pelajar tidak perlu mengikuti tuisyen secara fizikal kerana menerusi program atas talian ini, mereka boleh mengikuti kelas di mana-mana sahaja," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Hee Sam berkata, bagi pelajar SPM, beliau mengeluarkan dana sebanyak RM1,000 sebulan bagi mendapatkan khidmat guru.

"Terdapat empat subjek disediakan dalam program itu iaitu Bahasa Melayu, Matematik, Matematik Tambahan dan Sejarah.

"Ketika memulakan program itu kepada pelajar SPM, hanya lapan orang sahaja kini sudah meningkat kepada 20 pelajar, dijangka akan meningkat lagi dari semasa ke semasa," katanya.

N07 - GADEK



SHANMUGAM mengedarkan limau kepada peniaga di Pasar Padang Sebang.

# Santuni kaum Tionghua Gadek

**Faiz Hasan**

**GADEK** - Atas dasar semangat perpaduan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gadek, VP Shanmugam turun padang menyantuni masyarakat Tionghua meraikan sambutan Tahun Baharu Cina.

Katanya, tumpuan diberikan kepada kumpulan B40 agar mereka dapat menyambut Tahun Baharu Cina dalam suasana yang lebih ceria dan meriah.

"Setakat ini kita sudah sampaikan sumbangan dalam bentuk kit makanan, limau dan wang tunai kepada kepada 55 keluarga B40 sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Gadek.

"Bagi menyemarakkan sambutan perayaan ini agihan buah limau turut disampaikan buat 40 peniaga di Pasar Padang Sebang," katanya.

Beliau berkata, agihan limau juga membabitkan pelanggang di pasar berkenaan, sekali gus menghidupkan suasana sambutan Tahun Baharu Cina.

N09 - DURIAN TUNGGAL

# Jalan berhabuk, Zahari arah projek dihentikan

**Liana Sahabudin**

**DURIAN TUNGGAL** - Memastikan kepentingan dan kesejahteraan rakyat terjaga, itu antara tugas digalas dan dilaksanakan setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang dilantik.

ADUN Durian Tunggal Zahari Abd Khalil, turut mengambil inisiatif sama apabila tidak bersikap lepas tangan dalam setiap permasalahan rakyat.

Baru-baru ini, beliau sempat turun padang meninjau masalah jalan berhabuk yang membelenggu penduduk Taman Belimbing Setia, di sini.

"Saya turun melawat aduan bersama Pengarah Penguatkuasa Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) dan Pengarah Kejuruteraan MPAG berkaitan aduan jalan berhabuk di persimpangan Taman Belimbing Setia.

"Projek ini telah dihentikan serta merta sehingga pihak pemaju membaikpulih kerosakan yang berlaku," katanya.



ZAHARI turun padang melihat kawasan berhabuk di persimpangan Taman Belimbing Setia. (Foto Facebook rasmi Zahari)

N12 - PANTAI KUNDOR

# Babi hutan ancam Kampung Kelongkong


ABU Bakar Jaapar, 65, menunjukkan pagar kebunnya dirosakkan babi hutan kepada anggota PERHILITAN.

Siti Salehah

**PANTAI KUNDOR** - Kira-kira 400 penduduk di Kampung Kelongkong, di sini, hidup dalam keadaan ketakutan apabila kampung mereka menjadi lokasi 'kunjungan' sekumpulan babi hutan.

FOKUS DUN

Penduduk mendakwa, kehadiran haiwan liar itu berlarutan sejak beberapa bulan lalu dan turut memusnahkan pagar serta tanaman penduduk.

Malah rutin harian mereka juga turut terjejas kerana tidak dapat bergerak bebas seperti sebelum ini apatah lagi bimbang akan keselamatan kanak-kanak.

Menurut penduduk Rahimah Kassim, 76, kehadiran kumpulan babi hutan antara lapan hingga sembilan ekor berhampiran kediamannya dikhuatiri akan mengancam manusia sekiranya tiada tindakan diambil.

"Sejak kebelakangan ini boleh katakan hampir setiap hari haiwan itu akan keluar dari hutan berhampiran rumah, dulu hanya dua ekor kini sudah ada anak.

"Kita yang tua pun takut, ini pula kanak-kanak. Mungkin sekarang ini tidak menyerang manusia lagi tidak mustahil nanti akan datang kita tidak tahu," katanya.

Seorang lagi penduduk, Abu Bakar Jaapar, 65, berkata, kehadiran babi hutan membuatkannya serik untuk menanam ubi kerana sering dirosakkan haiwan itu.

"Bukan hanya pagar disondol dan dirosakkan malah pokok ubi habis dikoreknya.

"Hendak keluar rumah sekarang kena berjaga-jaga, saya nak ke kebun depan rumah ini pun bawa bersama lastik," katanya.

Ujarnya, aduan sudah dibuat kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan dimaklumkan pihak terbabit akan memasang perangkap di lokasi yang dikenal pasti.

N13 - PAYA RUMPUT

# Gotong-royong khas hapus sarang Aedes


RAIS bersama wakil dari Jabatan Kesihatan Daerah Melaka Tengah selepas sesi perbincangan program Gotong-Royong Luar Biasa' di Japerun Paya Rumput baru-baru ini.

Fiqa Jamal

**PAYA RUMPUT** - Program 'Gotong-Royong Luar Biasa' akan diadakan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Rumput bagi menghapuskan sarang pembiakan nyamuk Aedes susulan peningkatan kes deman denggi di kawasan itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Rumput, Datuk Rais Yasin memaklumkan peningkatan kes demam denggi di Taman Paya Rumput Indah, antara yang dilihat cukup membimbangkan.

Katanya, susulan itu Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dun (JAPERUN) Paya Rumput bersama Pejabat Kesihatan Daerah Melaka Tengah akan mengadakan program Gotong-royong Luar Biasa dalam masa terdekat.

"Jabatan Kesihatan negeri bersama JAPERUN akan anjurkan gotong-royong luar biasa di Taman Paya Rumput Indah dalam usaha menurunkan kes demam denggi di kawasan terbabit.

"Saya berharap penduduk di Taman Paya Rumput Indah, mengambil langkah pencegahan yang perlu termasuk dengan memastikan kawasan rumah masing-masing bebas sarang pembiakan Aedes," katanya.

Dalam pada itu, Rais turut mengingatkan rakyat di kawasan Paya Rumput agar mengamalkan pendekatan mencegah lebih awal berbanding mengubati.

N10 - ASAHAN

# Pesta Tanglung Asahan meriah

**ASAHAN** - Seramai kira-kira 50 masyarakat Tionghua di Asahan meraikan Pesta Tanglung di Tokong Cheng Leong Keng Selandar, di sini, baru-baru ini.

Sambutan pesta itu telah dianjurkan Persatuan Tokong Cheng Leong Keng bersempena ketibaan Tahun Baharu Cina 2022 pada 1 dan 2 Feb ini.

Majlis yang mematuhi prosedur operasi standard (SOP) itu turut dihadiri EXCO Perpaduan Negeri Ngwe Hee Sem.

Manakala, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan Fairul Nizam Roslan yang masih menjalani kuarantin diwakili Setiausaha JAPERUN Asahan Razani Seman.

Dalam kemeriahan sambutan perayaan itu, Fairul bersama warga kerja JAPERUN Asahan turut tidak melupakan kaum Tionghua yang kurang bernasib baik.

Baru-baru ini, wakilnya telah menyumbangkan bantuan kerusi roda kepada pesakit buah pinggang dan kencing manis di kawasan berkenaan.


SAMBUTAN Pesta Tanglung yang diadakan di Tokong Cheng Leong Keng Selandar.

N18 - AYER MOLEK

# Setiap DUN, satu bot penyelamat

Liana Sahabudin

FOKUS DUN

**AYER MOLEK** - Setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) di Melaka perlu menyediakan kemudahan bot penyelamat sebagai langkah awal menghadapi bencana banjir.

EXCO Pengurusan Banjir negeri Datuk Rahmad Mariman berkata, cadangan itu bagi membantu mempercepatkan proses menyelamatkan mangsa banjir di negeri ini.

"Saya menerima aset untuk JAPERUN Ayer Molek iaitu sebuah bot yang dilengkapi peralatan menyelamat sebagai langkah awal hadapi banjir.

"Setiap DUN atau JAPERUN perlu ada inisiatif ini, apabila berlaku banjir di negeri Melaka berkemungkinan agensi kerajaan tidak dapat mencapai atau menyelamat di semua tempat.

"Ini langkah awal untuk bantu masyarakat lebih cepat lagi, kami belajar daripada kes yang lepas terpaksa tunggu lama untuk selamatkan mangsa banjir," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menerima bot penyelamat DUN Ayer Molek di Kompleks JAPERUN Ayer Molek di sini, 24 Jan lalu.

Rahmad yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Molek berkata, kos untuk membeli sebuah bot penyelamat dianggarkan RM10,000.

"Bot ini saya beli untuk DUN Ayer Molek dulu, saya cadangkan JAPERUN lain juga mengambil langkah yang sama, bot ini tidak mahal kosnya.

"Saya yakin wakil rakyat di kawasan lain juga berkemampuan untuk membeli bot penyelamat seperti ini," katanya.

Mengulas lanjut, Rahmad berkata pihaknya akan menubuhkan satu pasukan terlatih yang mengetahui cara menyelamat dan mengendali bot sewaktu kecemasan.




**RAHMAD menunjukkan bot penyelamat DUN Ayer Molek yang akan digunakan bagi menghadapi musibah banjir di kawasan itu.** Foto Iqmal Haqim Rosman

N15 - PENGKALAN BATU

# Konvoi motosikal Kak Som ziarah masyarakat

**PENGKALAN BATU** - Berkonvoi menunggang motosikal menjadi antara pendekatan digunakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu Datuk Kalsom Nordin, dalam mendekati masyarakat.

Katanya, menerusi inisiatif bersama Pemuda dan Puteri UMNO Pengkalan Batu itu, pelbagai aduan serta masalah penduduk diterima, akan dibantu sedaya upaya.

Selain itu, beliau turut mengambil kesempatan menyampaikan bantuan dan sumbangan kepada penduduk yang memerlukan.

"Kak Som bersama Pemuda dan Puteri UMNO DUN Pengkalan Batu berkonvoi motor Ziarah Kasih ke Cawangan UMNO Kampung Bukit Piatu.

"Sebanyak 10 buah rumah sempat Kak Som singgah. Insya-Allah, aduan dan bantuan yang mereka perlukan telah Kak Som terima yang mana ia akan disalurkan mengikut keperluan.

"Terima kasih buat Pemuda dan Puteri UMNO DUN Pengkalan Batu, Ketua UMNO Cawangan Bukit Piatu, Pengerusi JPKK dan Sidang Bukit Piatu di atas program ziarah kasih ini," katanya.



**Kalsom menunjukkan tanda bagus ketika berkonvoi menunggang motosikal di sekitar Kampung Bukit Piatu, baru-baru ini.**

N14 - KLEBANG

# Prihatin nasib rakyat ditimpa musibah

**KLEBANG** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klebang Datuk Lim Ban Hong menunjukkan keprihatinan terhadap masalah rakyat di kawasan itu.

Baru-baru ini, beliau hadir menziarahi penduduk yang ditimpa musibah di Taman Kenanga, di sini, apabila rumah didiami sebuah keluarga hangus dijilat api.

Ban Hong berkata, bagi pihak kerajaan negeri, beliau akan sentiasa membantu dalam meringankan beban rakyat di kawasannya tanpa mengira kaum, agama dan bangsa.

"Menziarahi Habibah Mohd Sab yang rumahnya terbakar 20 Jan lalu. Mereka telah kehilangan semua harta benda tetapi mujurnya dia dan keluarganya selamat.

"Di samping menyampaikan barangan keperluan harian, kami akan cuba membantu meringankan beban mereka.

"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Melaka, Lembaga Perumahan dan semua yang membantu," katanya.

Selain itu, Ban Hong turut mewakili Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menyampaikan sumbangan Tahun Baharu Cina kepada kaum Tionghua di Tokong Kayu Ara Bukit Rambai.

Beliau berkata, sumbangan itu khusus diberikan kepada warga emas dan golongan istimewa di bawah Dewan Undangan Negeri (DUN) Klebang.

"Semoga sumbangan yang diberi menceriakan lagi sambutan Tahun Baharu Cina tahun ini," katanya.




**BAN Hong menyampaikan sumbangan kepada Habibah yang tinggal sehelai sepinggang selepas rumahnya di Taman kenanga hangus dijilat api.**

N23 - TELOK MAS



RAZAK (kiri) bersama-sama penduduk Kampung Alai ketika melepaskan ikan betuk dalam tali air menerusi program Relaks@Homestay Kampung Alai, baru-baru ini.

# Ikan betuk tarikan eko-pelancongan Telok Mas

FOKUS DUN

Fiqa Jamal

**TELOK MAS** - Lebih 500 ekor ikan betuk atau puyu dilepaskan di tali air menerusi Program Relaks@ Homestay Kampung Alai sebagai usaha untuk menarik lebih ramai pelancong ke kawasan itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Mas, Datuk Razak Abdul Razak Rahman berkata, program di bawah Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar itu bertujuan untuk meningkatkan penyertaan masyarakat luar bandar dalam sektor pelancongan.

Katanya, selain melepaskan ikan betuk ke dalam tali air, terdapat pengisian lain yang dijadikan inisiatif dalam program terbabit antaranya demonstrasi masakan tradisi dan pembuatan inang-inang.

"Program Relaks@ Homestay Kampung Alai ini mendapat nasihat daripada Bahagian Promosi Pelancongan dan Jabatan Perikanan negeri.

"Pelancong menginap di inap desa Kampung Alai ini boleh melakukan pelbagai aktiviti antaranya menangkap ikan betuk, belajar buat inang-inang dan pelbagai lagi, sekaligus dapat merasai kehidupan di desa.

"Program yang bermanfaat ini saya akan panjangan untuk dilaksanakan bukan sahaja di Kampung Alai, malah di kesemua kawasan inap desa dalam DUN Telok Mas," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Razak berkata setakat ini pembangunan dalam DUN Telok Mas kebanyakan masih diperingkat perancangan.

Beliau kini dalam usaha untuk merealisasikan kesemua 10 Janji Razak dalam manifesto Pilihan Raya Negeri (PRN) lalu.

"Sekarang ini saya sedang usahakan untuk merealisasikan 10 Janji Razak semasa PRN Melaka lalu, satu persatu saya sedang usahakan dan semua masih di peringkat perancangan," katanya.

N25 - RIM

# Dira bantu 54 anak-anak Rim kembali ke sekolah

Liana Sahabudin

**RIM** - Riak wajah ceria jelas terpancar pada wajah 54 kanak-kanak selepas menerima sumbangan baju sekolah disampaikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim, Datuk Khaidhirah Abu Zahar.

Sumbangan itu disampaikan dalam satu program yang dianjurkan, baru-baru ini.

Khaidhirah berkata, sumbangan kelengkapan persekolahan itu bertujuan meringankan beban keluarga anak-anak sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Rim yang kurang berkemampuan.

"Jelas kelihatan wajah gembira dan ceria adik-adik ini apabila menerima baju sekolah baharu untuk memulakan hari pertama persekolahan.

"Inisiatif sebegini akan diteruskan bagi memastikan tiada golongan susah tercicir di saat mereka memerlukan," katanya.

Program itu disempurnakan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 merangkap Ahli Parlimen Jasin, Datuk Seri Ahmad Hamzah.



KHAIDHIRAH menyampaikan sumbangan kepada anak-anak dari keluarga yang memerlukan.

N21 - DUYONG

# Helmy sedia 'tuisyen rakyat' bantu calon SPM



PELAJAR mendengar dengan teliti pengajaran yang diberi oleh guru pada program Tuisyen Rakyat DUN Duyong.

Norizan Abdul Muhid

**DUYONG** - Seramai 30 pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini berpeluang menyertai Tuisyen Rakyat DUN Duyong, inisiatif Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Duyong, Mohd Noor Helmy Abdul Halem.

Menurut Mohd Noor Helmy, tuisyen percuma itu diadakan secara bersemuka bermula 22 Jan lalu oleh guru-guru pakar serta berpengalaman luas mengikut subjek masing-masing.

Katanya, salah seorang dari lima guru yang terlibat dalam program itu ialah guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tinggi (P) Melaka, Roslan Kassim yang berpengalaman selama 22 tahun mengajar subjek bahasa Melayu.

"Sambutan yang diterima amat mengalakkan malah untuk subjek Sains, Bahasa Melayu, Matematik dan Sejarah, pengajaran tuisyen bagi subjek tersebut terpaksa diubah lokasi asal di JAPERUN Duyong ke Auditorium Perkampungan Hang Tuah.

"Ini kerana kita mahukan pelajar menikmati pembelajaran yang lebih selesa manakala bagi subjek Prinsip Akaun kekal di JAPERUN Duyong," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada pihak Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) kerana memberi kerjasama dan kebenaran kepada pihaknya menggunakan kemudahan di Perkampungan Hang Tuah bagi membolehkan program tuisyen percuma itu dijalankan.

"Semoga usaha yang kita gerakkan ini dapat membuahkan hasil yang membanggaan buat warga Duyong dan seluruh rakyat Melaka.

"Mana tahu, daripada 30 pelajar yang mengikuti program ini, 10 orang daripadanya apabila dewasa nanti jadi hakim, 10 orang jadi tokoh korporat, 5 orang jadi pegawai berjawatan besar, 4 orang jadi kontraktor berwibawa dan seorang lagi jadi Wakil Rakyat Duyong," ujarnya.

N26 - SERKAM

# Pantai Siring bakal alami transformasi

Fiqa Jamal

FOKUS DUN

**SERKAM** - Tiga Fasa penyusunan semula Pantai Siring akan dilakukan sebelum diangkat menjadi kawasan pelancongan baharu Melaka.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serkam, Datuk Zaidi Attan berkata perkara itu seiring dengan hasrat kerajaan negeri untuk membangunkan kawasan pelancongan baharu luar bandar dan tempoh penyusunan semula dijangka akan memakan masa tertentu.

Katanya, penyusunan semula itu turut melibatkan pembinaan jalan baharu, jambatan, lagun (kawasan penahan ombak) serta penyusunan semula kawasan perniagaan sedia ada.

"Bagi fasa pertama, kita akan buat pembinaan jalan baharu dari Jalan Kampung Seri Minyak-Tedong Pantai-Jalan Pantai Siring. Jalan Baharu itu menelan belanja lebih RM500,000 dan kini dalam proses pengambilan tanah.

"Fasa kedua merupakan penyusunan semula peniaga di kawasan Pantai Siring ini dengan pembinaan 'pantai awam' yang mana pelannya dirangka Majlis Perbandaran Jasin (MPJ).

"Dalam Fasa ini juga kita akan bina lagun iaitu kawasan penahan ombak supaya bot-bot nelayan tidak dibadai ombak.

"Manakala dalam Fasa ketiga, di kawasan Seri Minyak akan dibangunkan enam unit restoran terapung oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) serta membina pelantar sejauh 500 meter dari daratan yang membolehkan peniaga trak makanan meniaga di situ," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Zaidi berkata kawasan Pantai Siring juga akan berwajah baharu dengan pelbagai aktiviti kebudayaan dirancang untuk diadakan di situ.



ZAIDI menyertai program membersihkan Pantai Siring bersama MPJ, baru-baru ini.

N27 - MERLIMAU

# Skatepark ilham Pa'din Musa akan dibina di Merlimau

**MERLIMAU** - Kemudahan gelanggang papan selaju atau 'skate park' bakal dibina di Dewan Undangan Negeri (DUN) Merlimau, sekali gus memberi peluang kepada peminat sukan itu di negeri ini mengasah bakat mereka.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau, Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, mengikut perancangan gelanggang seluas 10,000 kaki persegi akan dibina di belakang Medan Selera Jasin Utara.

Beliau berkata, pembinaan gelanggang itu membolehkan peminat sukan papan selaju mengasah bakat di lokasi ditetapkan dan menggunakan kemudahan yang menjamin keselamatan mereka.

"Gelanggang ini akan dibina dengan ilham jaguh sukan papan selaju negara, Ahmad Fadzil Musa atau dikenali sebagai Pa'din Musa. Kita tidak akan melantik mana-mana kontraktor kerana bagi saya biarlah pakar yang menentukan reka bentuknya sendiri.

"Kita sedia maklum gelanggang papan selaju Melaka agak terhad dan peminatnya semakin bertambah jadi kita perlu sediakan lokasi khas buat mereka," katanya.

Katanya, perkara itu juga dipersetujui Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) secara dasarnya dan menjadi sebahagian daripada misi Mewajah Merlimau 5 Tahun serta menjadikan Melaka sebagai lokasi hab belia.



AKMAL (tengah) ketika pertemuannya bersama jaguh sukan skateboard negara, Pa'din Musa membincangkan hala tuju sukan itu di negeri ini, baru baru ini.

N28 - SUNGAI RAMBAI




SITI Faizah (tengah) bersama kakitangan dan wakil AADK menunjukkan poster dan tanda pagar kempen banteras dadah yang dijalankan.

# Siti ikrar banteras dadah di Sungai Rambai

**SUNGAI RAMBAI** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai Siti Faizah Abdul Azis bertekad mahu membanteras gejala penagihan dadah di kawasan itu.

Katanya, pelbagai program akan dirangka khusus bersama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dalam menerangkan mengenai keburukan dadah dalam masyarakat.

Antara program yang akan dijalankan, menurutnya termasuklah kempen dan aktiviti antidadah, selain meminta kerjasama masyarakat menularkan poster keburukan dadah di seluruh kawasan itu.

"Dadah adalah musuh negara! Siti sentiasa akan memberi keutamaan kepada semua agensi terutama AADK untuk bersama menerangkan keburukan serta kesan dadah dalam kalangan masyarakat kita.

"Kita tak nak anak-anak terjerumus dalam lembah penagihan dadah semata-mata kerana ingin mencuba!

"Kita akan terus menjalankan kempen-kempen serta aktiviti antidadah di dalam DUN Sungai Rambai dan Siti mohon pada semua agar dapat kita bersama mengikuti serta bantu tularkan sebarang bentuk infografik bahaya dadah!," katanya.

Mengulas lanjut, Siti Faizah berkata, program-program sedemikian sangat penting memandangkan anak-anak muda masa kini adalah masa depan negara.

"Tidak nafikan betapa takutnya bila terbaca di Facebook mengenai pengaruh dadah sehingga sanggup membunuh untuk mendapatkan wang.

"Siti meminta sekali lagi, ayuh bersama kita bantu kempen ini," katanya lagi.

EDISI KHAS 31 JANUARI - 6 FEBRUARI 2022 / 28 JAMADILAKHIR 1443H - 4 REJAB 1443H

MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." **(Surah Al-A'la, ayat 14-15)**

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." **(Surah Al-Baqarah, ayat 155)**

# Perkukuh kolaborasi MAIM dan NGO saudara Muslim

**Erwin Abu Hasan**
**erwin@maim.gov.my**




**MELAKA TENGAH** - Saudara Muslim di negeri ini merupakan antara tumpuan utama Bahagian Balai Islam Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dalam memastikan akidah Islam mereka terjaga dan di amal sentiasa.

Peranan bahagian berkenaan menjadi tunjang kepada pengukuhan iman saudara Muslim yang masih tercari-cari rentak dalam membentuk diri mereka menjadi Islam sejati.

Kehidupan mereka yang lalu merupakan antara cabaran yang perlu dihadapi mereka dalam memupuk jiwa kerohanian mengenali Islam dengan lebih dekat serta belajar untuk memastikan aliran kehidupan seharian perlu berlandaskan syariat.

Justeru menjadi tanggungjawab dan amanah kepada Pertubuhan Islam Saudara Muslim (NGO) membantu MAIM menjadi benteng dan barisan hadapan terhadap pelbagai cabaran mendatang yang begitu hebat.

Kerangka peranan NGO Islam ini adalah sangat penting kepada negara dan ummah dalam memperlihatkan pengiktirafan kerajaan terhadap peranan mereka khususnya dalam pelbagai aspek termasuk memacu pembangunan ummah.

NGO saudara Muslim ini juga mampu membentuk kekuatan yang jitu kepada gerakan dakwah di negara ini apatah lagi jika ia dirangka, disusun dan dilaksanakan dengan secara tersusun dan sistematik.

Bukan sahaja memastikan akidah saudara Muslim ini dijaga, NGO saudara muslim ini telah memainkan peranan yang besar dalam kalangan masyarakat dengan adanya program dakwahsama ada secara terus atau maya.

Sentiasa memantau dan mendengar keluh resah mereka yang mana masih terdapat dalam kalangan saudara muslim ini mempunyai kesukaran dalam hidup lebih-lebih lagi pemantapan akidah mereka menurut pegangan ahli sunnah wal jamaah.

Kebajikan dan pendidikan anak-anak saudara Muslim turut diberi perhatian kerana mereka merupakan amanah yang dianugerah dan pastinya masa depan yang lebih baik menjadi sandaran keluarga mereka.

Sudah tentu Balai Islam MAIM merupakan institusi yang dipertanggungjawabkan dalam melaksanakan amanah saudara Muslim yang inginkan kehidupan penuh keimanan dan menjadi Muslim yang taat dengan al-Quran dan hadis.



Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my





**SEBAHAGIAN** Pegawai dan kakitangan MAIM hadir pada Bengkel Pemerkasaan Pengurusan Wakaf Dan Baitulmal baru-baru ini. Bengkel berkenaan memberi peluang dan ruang kepada pengukuhan pembangunan hartanah wakaf dan baitulmal dalam usaha manfaat dapat dinikmati bersama masyarakat Islam di negeri ini.






**PROSES** pengalihan dua unit kubur lama yang berusia lebih 100 tahun telah dilaksanakan di Kampung Seberang Perai dalam Kariah Sungai Petai Alor Gajah. Kerja-kerja berkenaan dilakukan oleh panel yang dilantik Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan pemantauan dilaksana bersama Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) serta Polis DiRaja Malaysia (PDRM).



# Jangan bertangguh, bersegeralah



**Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil**
Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka, Majlis Agama Islam Melaka.

> "Agama Islam mewajibkan umatnya mengqadakan solat sekiranya tertinggal ibadah tersebut. Begitu juga hukumnya sekiranya kita meninggalkan dan menangguhkan ibadah zakat, maka wajib juga mengqada zakat tersebut. Ianya merupakan hutang kita kepada Allah SWT, sekaligus merupakan saham akhirat kita nanti."

**SIKAP** bertangguh atau melambat-lambatkan sesuatu pekerjaan tidak digalakkan kerana ianya bukanlah amalan yang baik. Kebiasaannya apabila mengamalkan kerja yang bertangguh atau sengaja melambat-lambatkan, ianya akan membuahkan hasil yang tidak sempurna. Adakalanya, kerja tersebut langsung tidak menjadi atau terbengkalai begitu sahaja.

Agama Islam sangat mengajar umatnya untuk melakukan sebarang kerja yang telah diamanahkan dengan teliti dan sempurna. Dalam erti kata lain, umat Islam diajar supaya sentiasa bersemangat dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Begitu juga dengan kewajipan melaksanakan Rukun Islam yang lima tersebut. Ini bertepatan dalam hadis Nabi SAW; "Dari Abu Abdurrahman, Abdullah Ibnu Umar Ibnu Khattab RA ianya berkata, *"Aku pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Islam dibangunkan di atas lima tiang iaitu bersaksi bahawa tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah SWT dan Muhammad utusan Allah SWT, mendirikan solat, menunaikan zakat, mengerjakan haji ke Baitullah dan berpuasa pada bulan Ramadan".* **(Riwayat Tirmizi & Muslim)**




Rukun Islam yang berperanan bagi menjaga hubungan sesama manusia iaitu pelaksanaan ibadah zakat. Ini kerana, golongan kaya dapat membantu meringankan bebanan hidup golongan miskin yang memerlukan. Ibadah zakat wajib ditunaikan oleh setiap umat Islam yang telah mencukupi syarat-syarat wajib zakat. Rukun Islam wajib dipatuhi, jika sengaja meninggalkannya maka tidak sempurna Rukun Islam tersebut.

Agama Islam mewajibkan umatnya mengqadakan solat sekiranya tertinggal ibadah tersebut. Begitu juga hukumnya sekiranya kita meninggalkan dan menangguhkan ibadah zakat, maka wajib juga mengqada zakat tersebut. Ianya merupakan hutang kita kepada Allah SWT, sekali gus merupakan saham akhirat kita nanti.

Zakat merupakan satu perkara yang membentuk kemajuan pembangunan ekonomi umat Islam keseluruhannya melalui pengeluaran zakat dan pengagihan zakat kepada golongan-golongan asnaf yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah ayat 60 yang bermaksud: *"Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang menguruskannya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah SWT, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah SWT. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."*

Justeru itu, sebagai umat Islam yang sejati wajiblah melaksanakan pelunasan zakat dengan segera tanpa melengahkannya. Ianya penting bagi memastikan keperluan asnaf-asnaf zakat dapat disempurnakan dengan sebaik mungkin bagi membantu mereka meneruskan kehidupan seharian seterusnya dapat menjamin kestabilan ekonomi umat Islam sejagat. Insya Allah.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari www.izakat.com atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

**Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :**
**Ibu Pejabat, Tel : 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154**

- Cawangan Alor Gajah, Tel : 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel : 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel : 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel : 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel : 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel : 06-2831440

**Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp : Info Pertanyaan Zakat – (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat – (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com**



مجليس اݢام اسلام ملاك

MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA

# NOTIS HEBAHAN HARTA LUQATAH

## (DIJUMPAI TAHUN 2020 DAN 2021 )

**TARIKH MULA : 07 JANUARI 2022**

**TARIKH TAMAT : 07 JANUARI 2023**

| BIL. | NO. DAFTAR | JENIS BARANG | LOKASI DIJUMPAI |
|---|---|---|---|
| 1 | 000062 | Barang kemas wanita | Majlis kenduri di rumah Pn. Zaleha binti Abu Bakar |
| 2 | 000063 | Barang kemas wanita | Tidak diketahui |
| 3 | 000064 | Barang kemas wanita | Masjid Laksamana Hang Tuah Duyong |
| 4 | 0006 | Barang kemas wanita | AEON bandaraya Melaka |
| 5 | 0007 | Barang kemas wanita | Masjid Kg. Hulu |
| 6 | 0009 | Barang kemas wanita | Masjid Kg. Hulu |
| 7 | 0017 | Barang kemas wanita | Kedai Gambar Merlimau |
| 8 | 0019 | Barang kemas wanita | Mydin Ayer Keroh |

Sukacita dimaklumkan, Majlis Agama Islam Melaka telah menerima penyerahan Harta Luqatah ( harta yang tercicir atau hilang ). Pemilik dikehendaki hadir berurusan di Seksyen MAL, Majlis Agama Islam Melaka untuk tindakan selanjutnya. Pemilik boleh berbuat demikian dalam tempoh satu (01) tahun mengikut tarikh notis hebahan ini dikeluarkan.

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI MELAKA
PUSAT ISLAM MELAKA
BUKIT PALAH, 75400 MELAKA
TEL : 06-283 7416 / 06-284 9809 / 06-283 2077
NO. FAKS : 06-282 6033 / 06-288 2792

@maimmelaka




**SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI : TANJUNG RATNA SDN. BHD - 014 668 9209**

**Alamat : Tanjung Ratna Sdn Bhd Malacca, No. 24, Jln KLJ 4, Taman Kota Laksamana, 75200 Malacca**

No. Lesen Pemaju:19468-2/09-2022/02776 (L)|Tempoh Sah:08/09/2021-7/09/2022|No. Permit Iklan:19468-2/09-2022/02776 (P)|Tempoh Sah:08/09/2021-07/09/2022| Pemaju beserta Alamat Lengkap dan No. Telefon: Tanjung Ratna Sdn. Bhd. Aras 18, Menara Safuan, No. 80,Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur. +0327818989|Jenis Pegangan Tanah: Pajakan 99 tahun|Tarikh Tamat Tempoh: Mei 2117|Bebanan Tanah:Maybank|Perihalan Rumah Tempat Tinggal: Kondominium|Tarikh Pemajuan Perumahan Dijangka Siap:(Fasa 1)15 Ogos 2022|Harga Jualan Minimum dan Maksimum:|Jenis A:RM347,000.00 - RM391,000.00|Jenis B:RM380,000.00 - RM422,000.00|Bilangan Unit:Jenis A (23 unit)Jenis B(69 unit)|NamaPihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan:MBMB|No. RUjukan : MBMB/JKB/03040/12/2016(9).Sekatan-sekatan kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik atau dipajak kecuali dengan kebenaran Pihak Berkusan Negeri.

**IKLAN INI TELAH DILULUSKAN JABATAN PERUMAHAN NEGARA**

Melaka Hari Ini
Kelab Ibu Bapa Guru Islam Melaka
WWW.KIBGIM.COM
SCAN HERE

# SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK MENJAWAB SPM
SUBJEK: ENGLISH

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK & MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

**SUBJEK: ENGLISH**

## PART 1: READING- SHORT TEXTS

*Read the text carefully in each question. Choose the best answer* **A, B** *or* **C**. *For each question, mark the correct answer.*

Come try our new
FLORA CAFÉ COFFEE LATTE

NORMAL PRICE : RM 9.00
INTRODUCTORY PRICE: RM 5.00

5 Star Hotel Quality Coffee from only RM 5 is within your reach!




1. This purpose of the advertisement is
   - **A.** to introduce a new coffee product
   - **B.** to inform customers how to reach them
   - **C.** to improve the sales of their cafe

LC XBOOK DRAGON OT7 POSTER CONTEST

Design a poster and stand a chance to win yourself the LC XBook Dragon OT7 + more attractive prizes. The world's smallest and lightest mobile workstation.

Submission Deadline: 27 November 2021

1st Prize: LC XBook Dragon OT7 Laptop
2nd Prize: RM2500
3RD Prize: RM 1000



2. Which statement is **true** about the contest?
   - **A.** Participants must design a promotional poster for LC XBook Dragon OT7 laptop.
   - **B.** All the winners will win an LC XBook Dragon OT7 mobile workstation each.
   - **C.** The designed poster must be submitted after 27 November 2021

SUPER MART CUSTOMER NOTICE

PROMO CODE: SPRMRT35

Nothing would bring us more joy than to put a smile on your face when we deliver your groceries.

Here is a gesture of appreciation for you because we cherish your support.

Use the code and receive your groceries, packed and delivered safely plus money saved.




3. Which of the following is **true** about the notice?
   - **A.** Customers will receive RM35 when they order groceries.
   - **B.** Customers will get a discount of RM35 when they shop at Super Mart.
   - **C.** Customers will only qualify for a discount if they use the promo code.

REDUCE DARK SPOTS IN ONE WEEK WITH 25X VITAMIN C WITH PIXIE SNOW FACE SERUM

FREE
Brightening single sheet face mask when you present this voucher during purchase.

All you have to do is grab a product and a free gift awaits.

Exclusive deals up to 50% off



4. Which of the following is **true**?
   - **A.** Anyone who visits the store will receive a free gift.
   - **B.** Spots on the body and face can be reduced by using the serum.
   - **C.** There is a maximum of 50% discount on certain products purchased.

NOTICE

Golden Spatula cooking club meeting on Saturday is postponed due to the recent announcement of the Movement Control Order.

Please read the recipes and watch the videos assigned in the cooking module. We will try to arrange an online meeting for the online real-time demonstration and cooking- from- home activity if everyone is keen to participate.

Details will be announced later.

In the meantime, stay safe, stay at home and keep on cooking, folks!

5. The purpose of this notice is
   - **A.** to announce the Movement Control Order
   - **B.** to inform that the cooking club meeting will be postponed
   - **C.** to ask members to participate in the online cooking club meeting

Mr Kim: Good morning, Mr Ali. I see you are busy gardening at dawn.
Mr Ali: Hello, Mr Kim. Yes, I need to tidy my vegetable patch as it is overgrown with weeds. Nothing will grow well if I neglect it any further. I see that your flowerbed is doing well. Lovely petunias you have there.
Mr Kim: That flowerbed is my mother's hard work. She loves petunias. Pruning and watering them has become her daily routine. I prefer growing vegetables for our everyday consumption.

6. Which of the following statements is **true** about this conversation?
   - **A.** Both men enjoy gardening especially in the evening.
   - **B.** Both men have planted vegetables in their garden.
   - **C.** Mr Kim's mother is very interested in selling petunias.

We are Malaysia's No. 1 leading clothing retailer in the market.
We invite applications for the position of

**STORE MANAGER**

**Qualifications:**
- SPM or equivalent
- Basic computer knowledge
- Good in Bahasa Melayu and English
- Knowledge in current trends and fashion would be advantage
- Pleasant personality and customer- oriented

Interested applicants, please email to lydialim@ fashionforward.com before 1 December 2021

7. The job advertisement did not mention
   - **A.** the name of the company
   - **B.** the job vacancy available
   - **C.** the deadline for applications

THIEVES CAUGHT IN THE ACT

**MANJUNG, Thurs.-** A series of bank break- ins and thefts came to an end when two bank employees were caught in the act last night.

Two men in their 30's were caught by the bank security guard trying to escape through the emergency exit with the stolen money. The men had two laptops and cash amounting to RM 345,000.00 with them. The lock of the bank vault was hacked and broken into and the place ransacked.

8. The men were caught in the act while
   - **A.** trying to run away
   - **B.** ransacking the bank vault
   - **C.** trying to break into the bank

## PART 2: CLOZE TEXT

*Refer to the text below and choose the* best *word for each space. For each question, mark the correct letter* A, B, C *or* D.

**ONLINE EDUCATION IN THE POST-COVID ERA**

In response (0) ___*to*___ the COVID-19 pandemic, technological and administrative systems for implementing online learning, and the infrastructure that supports its access (9)_________delivery, had to adapt quickly. While access remains a significant issue for many, extensive resources have been allocated and processes developed to connect (10)_________with course activities and materials, to facilitate communication between instructors and students, and to (11)___the administration of online learning. Paths for greater access and opportunities to online education have now been forged, and there is a clear route for the next generation of adopters of (12)_education.

(13)___________the pandemic, the primary purpose of distance and online education (14) ______________providing access to instruction for those otherwise unable to participate in a traditional, place-based academic programme. As its purpose has shifted to supporting continuity of instruction, its audience, as well as the (15) _ learning ecosystem, has changed. It will be interesting to see which aspects of emergency remote teaching remain

(16)__________the next generation of education, when the threat of COVID-19 is no longer a factor. However, online education will undoubtedly find new audiences. And the flexibility and learning possibilities that have (17)_from necessity are likely to shift the expectations of students and educators, diminishing further ... g.

| | A | B | C | D |
|---|---|---|---|---|
| 0. | A. at | B. for | C. to | D. on |
| 9. | A. and | B. but | C. except | D. too |
| 10. | A. learners | B. learner | C. learn | D. learned |
| 11. | A. managing | B. managed | C. manage | D. manager |
| 12. | A. outdoor | B. face to face | C. offline | D. online |
| 13. | A. After | B. Before | C. During | D. Past |
| 14. | A. have | B. has | C. was | D. were |
| 15. | A. wider | B. variety | C. expand | D. extension |
| 16. | A. in | B. on | C. under | D. out |
| 17. | A. disappear | B. emerged | C. appear | D. vanish |
| 18. | A. technology | B. outdoor | C. online | D. classroom |

**ANSWER:**

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1.A | 2.A | 3. C | 4.C | 5. B | 6.B | 7. A | 8.A | 9. A | 10.A |
| 11.C | 12.D | 13.B | 14.C | 15. 4 | 16.A | 17.B | 18.D | | |

**KELAB IBU BAPA DAN GURU ISLAM MELAKA**

# Malay Editorial Cartoons: Humour, Sarcasm and Self-Criticism



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

MY earliest memory of editorial cartoons was Lat's from the 1970s. These became more visible especially in the 1980s and 1990s through the New Straits Times. And there was the syndicated *Senyum Kambing* in *Utusan Malaysia* during the same period. Editorial cartoons comment on the issues of the day, somewhat an overstatement of the spirit of the times.

The medium of the cartoon first appeared in the Malay-language newspapers in the 1936. It was the first issues of the weekly pictorial *Warta Jenaka*, dated 7 September 1936. The use of cartoons in newspapers seems to have been a direct borrowing and adaptation from European, more specifically British cartooning, as disclosed by scholar and cartoonist Muliyadi Mahamood in *The History of Malay Editorial Cartoons* [1930s-1993] (2004). The book provides a comprehensive survey of the the cartoon narrative in the Malay journalistic landscape. Another, a popular appraisal of cartoons in early Malay periodicals is *Senda Sindir Sengat* by Zakiah Hanum (1989).

While working on a project on Malay views of the West a decade ago which led to the 2019 publication titled as *Revisiting Atas Angin: A Review of the Malay Imagination of Rum, Ferringhi and the Penjajah,* I discovered another side to the discourse through editorial cartoons. This centres on Malay identity through the portrayal of the Other - the Arabs, Indians, Chinese, other non-Europeans, as well as Europeans. The Arabs and Arab Peranakans were identified as foreigners in disguise. In the cartoons, the Chinese and Indians were described as 'orang dagang.' The narrative of grievance dominated - marginalized in their *Tanah Air*. This was represented through the caricature in *Warta Jenaka*.

Malay cartoons first appeared during the period through the works of several regular and freelance cartoonist in three major newspapers, namely *Warta Jenaka, Warta Ahad* and *Utusan Zaman*. In the interwar years. The Malays in Malaya were aware of the various conflicts in Europe, the Arab world, China and Japan. Malay periodicals and newspapers at that time provided the vehicle for expression and nationalist sentiments. Cartoons and caricatures began to emerge as satirical and political manifestations evoking the Malay consciousness.

Among the columns in *Warta Jenaka* was given the name 'Kelawak Kita.' 'Kelawak' according to Zakiah, was a word created by *Warta Jenaka* – the abbreviation from the words 'kelakar' and 'lawak,' both carrying the meaning 'funny' and 'humorous.' The 'Kelawak Kita' column carried the writing by Ketuit - bringing humour to its readers, while the column 'Rencah-rencah Pembuka Selera' (appetizing ingredients) by Pak Lacok represented humour through the style of the Arabic language.



**Dari Mana Wak Ketok Dapat Gelaran Yang Mulia?**
**(Trans.Where did Wak Ketok Get His honourable Title?)**

***Utusan Zaman*, 20 July 1940, p. 17.**

The other person behind the cartoons was journalist and editor Abdul Rahim Kajai. He saw the Europeans and British in Malaya as 'bangsa pemerintah' (ruling race) who dominated the administration, the economy and education. They told the Malays to stand firm amid the growing stream of 'orang dagang.'

(when shown in profile) – especially when he is in the guise of an Arab or a Western (-ised). Among the Malays, Europeans (and Westerners) are commonly seen as possessing sharp, pointed noses (*hidung mancung*). The foreigner, in Malay cartoons through the ages, have pronounced noses of the *mancung* type. While Kajai (through Wak Ketok) was critical of the Arabs for their moral shortcomings, their extravagant lifestyles, their presuming to lead the Malay-Muslim community, he was equally critical of Malays for their deference to the Sayyids for their lack of self-pride and support of fellow Malays.

> **"Abdul Rahim Kajai's alter ego was *Wak Ketok* (Uncle Knock). The relevance of Wak Ketok lies in the identity of the Malay and the notion of the Other."**

Abdul Rahim Kajai's alter ego was *Wak Ketok* (Uncle Knock). The relevance of Wak Ketok lies in the identity of the Malay and the notion of the Other. The Malay was increasingly being defined against both a 'Chinese' and a 'Malay-Arab' or a 'Malay-Indian Muslim' racial Other. Wak Ketok first appeared in *Utusan Zaman* – the companion Sunday paper for *Utusan Melayu* - on 5 November 1939.

*Wak Ketok* was the voice Kajai, through the form given by cartoonist Mohd. Ali Sanat, who contributed to the illustrations. Wak Ketok was a "window" through which we view the engagement of the Malays to colonialism and their Muslim Other. Wak Ketok was engaged in a discourse about the 'bangsa.'

Interestingly, the Minangkabau Rahim's alter ego in Wak Ketok was a Javanese character. Wak Ketok came to embody Kajai's personality and thinking. Wak Ketok was critical of the pretensions of the wealthy Malay/ Arab community – their Westernized lifestyle, their assumed piety while at the same time being depicted as engaging in drinking and gambling, which Islam forbids.

A prominent feature of the Wak Ketok cartoon itself is the nose. His nose seems at times much longer and more pronounced

The anti-Arab sentiment was presented in several ways by Wak Ketok. Sometimes fused with the image of the West, one cartoon showed Wak Ketok having a Western-style dinner with his wife – fine dining. The image displayed the use of cutlery, which was alien to the common Malay. Acting as an arrogant Arab Peranakan, the sharp-nosed Wak Ketok was portrayed in a suit. The Arab Peranakan at that time were seen to be the purveyors of modernity, and obsessed with the West.

Another showed Wak Ketok preparing a cocktail for an Arab Peranakan who was waiting. In most of Wak Ketok's caricatures, the Arabs were seen as pretenders and hypocrites. Their image mediating between the Malay and the European.



**Ayam Betina (Pentadbiran): Lima puluh tahun lamanya aku mengeram barulah menetas dengan pertolongan Profesor Amerika. Sukalah hatiku melihatkan "anak kita" subur dan sihat rupanya."**
**Ayam Jantan (Kerajaan Negeri Melayu): "Anak kita? Mustahil aku boleh naik di atas belakang engkau, selagi kakiku trikat seperti ini. Lagipun aku ini tidak bertaji macam engkau! Bagaimana boleh dikatakan aku jantan."**
**Makanan ayam = Sagu hati**
**Tahi ayam = Suara orang Melayu**
**Biawak = Orang Besar Melayu**
**(Trans. - The Hen [Administration]: "For fifty years I have been sitting on my eggs, and now they have hatched thanks to the Amerian Professor's help. I am so happy to see how healthy and strong 'our children are.'The Rooster (Malay government): "Our children? How could I have climbed onto your back, with my feet tied like this? Besides, I don't have spurs like yours! How can I be called a male?"**
**The Rooster's Food = Consolation**
**The Roosters Excrement = the voice of the Malays**
**Monitor Lizard = Malay aristocrats and administrators)**

**Caricature by S. B. Ally, *Warta Jenaka,* 20 January 1938, p. 10**

**NEXT WEEK:**
## Sufism and Storytelling

***Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.**

# Batal tender kontraktor gagal - Reezal

Farah Suhaidah Othman

**GADEK** - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak akan teragak-agak membatalkan tender kontraktor gagal menyiapkan Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) mengikut tempoh ditetapkan.

Langkah tegas itu diambil susulan banyak rungutan daripada pembeli yang mendakwa masih belum dapat menduduki kediaman itu meskipun tempoh projek masing-masing sudah berakhir.

Menterinya, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, setakat ini sebanyak 22 projek perumahan PR1MA dikenal pasti terbengkalai di seluruh negara.

"PR1MA akan bayar pendahuluan LAD (tuntutan ganti rugi) bagi mereka (pembeli) terkesan dan mengambil langkah proaktif dengan 'terminate' bagi menggantikan dengan 'rescue contractor' (kontraktor penyelamat).

"Ada kalangan mereka yang telah dibatalkan dan ada juga kita telah melantik kontraktor penyelamat," katanya selepas Majlis Penyerahan Kunci Residensi PR1MA Pulau Sebang di Dewan Serbaguna, Residensi PR1MA Pulau Sebang, di sini, 26 Jan lalu.

Hadir sama, EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Zaidi Attan, EXCO Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), VP Shanmugam dan Pengerusi PR1MA, Datuk Dr Fathul Bari Mat Jahaya.

Reezal berkata, PR1MA disarankan supaya memilih kontraktor yang berkredibiliti bagi mengelakkan sebarang isu berbangkit pada masa akan datang.

"Saya minta kalau boleh kontraktor itu dilantik dalam kalangan orang tempatan dan sebuah syarikat yang bekredibiliti. Pertama, orang tempatan ini supaya kalau ada apa-apa berlaku mereka (kontraktor) tidak lari dan kita boleh cari.

"Kedua, kalau ada diperlukan sumber bahan mentah, kontraktor ini lebih tahu sebab mereka tempatan dan ketiga daripada segi permohonan kerajaan negeri lebih mudah.



REEZAL Merican

RESIDENSI PR1MA Pulau Sebang, Alor Gajah yang telah disiapkan. Foto Iqmal Haqim Rosman

"Jadi, proses pelantikan dan pemilihan kontraktor perlu melalui proses yang begitu teliti supaya tiada kegagalan lagi," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan seramai 4,000 pembeli rumah di bawah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) seluruh negara akan diberikan penangguhan sementara pembayaran balik pinjaman selama enam bulan.

Katanya, pendekatan itu diambil bagi meringankan beban pembeli yang perlu membayar balik pinjaman meskipun kediaman mereka belum boleh diduduki.





DR. Shankar Gunarasa

PANTAI HOSPITAL
Ayer Keroh

## Mitos dan fakta tentang Kanser :

# Apa perlu anda fahami?



**SERING** kali apabila saya bertemu dengan pesakit saya, banyak juga tanggapan peribadi yang diluahkan tentang pelbagai jenis penyakit dan cara merawatnya. Sebagai seorang doktor saya sentiasa bersiap-sedia mendengar dan cuba memahami segala tanggapan mereka, walaupun ada di antaranya tidak benar sama sekali.

Saya juga tidak menyalahkan mereka kerana tanggapan ini timbul berlandaskan apa yang difahami oleh masyarakat umum tentang sesuatu penyakit. Begitu juga dengan kanser, banyak persepsi terhadap asal usul dan rawatan yang menimbulkan salah faham oleh masyarakat sehingga terdapat rintangan atau keluhan untuk mendapatkan rawatan. Inilah mitos-mitos yang saya cuba perbetulkan di dalam artikel kali ini.

**● Kanser tidak boleh sembuh?**

Walaupun statistik menunjukkan kadar kanser semakin meningkat, namun kanser tidak semestinya membawa maut. Dengan kemajuan di dalam *chemotherapy* dan pembedahan, kadar "5-year survival" semakin memberangsangkan. Fakta ini dapat dilihat membabitkan kanser payudara, prostat dan juga tiroid. Namun apa sekali pun, tahap kanser memainkan peranan yang besar untuk menentukan kadar kelangsungan hidup. Oleh itu untuk merumuskan kanser tidak boleh sembuh adalah tidak tepat, ia banyak bergantung pada tahap kanser tersebut.

**● Penyakit kanser boleh berjangkit**

Tanggapan ini adalah tidak tepat. Kanser tidak boleh berjangkit. Namun kanser boleh terjadi daripada jangkitan virus, seperti hubungan kelamin atau dari penggunaan jarum yang sama. *Human Pappilomavirus (HPV)* , hepatitis B dan C boleh menyebabkan barah servik dan juga barah hati dengan cara jangkitan sebegini. Walaupun virus tersebut boleh berjangkit daripada seseorang, namun kanser secara amnya tidak akan berjangkit. Oleh itu anda tidak perlu menjarakkan diri atau cuba mengelakkan diri anda dengan pesakit kanser kerana kanser ini tidak berjangkit.

**● Kanser adalah sangat sakit**

Untuk semua jenis kanser biasanya tidak memberi kesakitan, melainkan kanser tersebut berada pada tahap empat (tahap 4). Pada tahap 1 atau 2, kesakitan ini tidak dirasai. Kesakitan ini sering dikaitkan dengan rawatan kemoterapi atau radioterapi untuk tahap ini. Tetapi anda perlu ingat, kesakitan yang disebabkan oleh rawatan ini ada penawarnya. Ubatan tahan sakit akan diberikan doktor untuk keselesaan anda. Bagi yang terpaksa menjalani rawatan kemoterapi, anda mempunyai pilihan untuk menerima *regime* rawatan yang bersesuaian untuk anda.



**● Gula boleh menyebabkan kanser membesar**

Mitos ini berdasarkan tanggapan yang sel kanser lebih cenderung untuk meresap gula daripada sel biasa. Malah ada yang mengangap gula menjadi sumber 'baja' untuk sel kanser itu terus membesar dan dengan mengurangkan kandungan gula, ia boleh mengecilkan sel kanser.

Ini sememangnya tidak betul sama sekali. Sel-sel di dalam badan kita, kanser atau tidak, memerlukan gula (glucose) untuk tenaga dan tumbesaran. Tidak ada kajian menunjukkan bahawa gula boleh membantu tumbesaran kanser sel atau mengecutkannya. Bagaimanapun, anda perlu ingat bahawa obesiti merupakan salah satu faktor terbesar kanser. Oleh sebab itu, individu yang makan terlalu banyak gula sehingga menjadi obesiti berisiko untuk menghidap beberapa jenis kanser.

**● Jika tiada sejarah kanser dalam kelurga, saya tidak akan mendapat kanser**

Masyarakat memang sedar yang kanser disebabkan oleh mutasi DNA di dalam *gene* dan beranggapan bahawa sesorang itu tidak akan mendapat kanser sekiranya tiada sejarah kanser di dalam keluarga. Ini memang tidak tepat sekali. Dianggarkan 5-10 peratus kes kanser disumbangkan dari mutasi *gene* manakala 90-95 peratus adalah disumbangkan daripada faktor persekitaran dan komplikasi dari gaya hidup kita seperti merokok dan obesiti. Namun sekiranya ada hubungan kekeluargaan, anda perlu menjalani ujian saringan dan mengamalkan gaya hidup yang sihat untuk mengelakkan risiko untuk mendapat kanser.

**● Ujian biopsi boleh merebakkan kanser**

Ujian biopsi adalah satu proses yang mustahak di dalam diagnosis kanser dan telah dipraktikkan sejak sekian lama. Setakat ini tiada kajian yang menunjukkan bukti konkrit di mana "tumour seedlings" atau kesan merebak sel kanser dari biopsi boleh berlaku. Kebanyakan peratusan yang kecil ini di sebabkan oleh 'incisional biopsy' di mana sebahagian tisu ketulan diambil untuk kajian berbanding dengan 'excisional biopsy' di mana ketulan yang keseluruhan itu dikeluarkan sekali gus. Namun setiap ujian biopsi akan dilakukan secara cermat dan mengikut tatacara pengambilan tisu dengan cermat. Oleh itu anda janganlah risau sekiranya perlu menjalani ujian biopsi. Seperti yang saya katakan tadi, ujian biopsi ini sangat penting dalam proses rawatan anda.

**● Adakah sikap seseorang akan memberi kesan untuk mengubati kanser?**

Hingga hari ini, masih tidak ada lagi sebarang kajian yang dapat membuktikan sama ada sikap seseorang itu mempunyai impak terhadap penyakit kanser yang mereka alami.

Tidak salah jika pesakit kanser ingin menangis atau rasa sedih kerana penyakit yang mereka alami lebih-lebih lagi dengan kanser. Namun, individu yang mempunyai pemikiran yang positif selalunya akan kekal bersosial dan sentiasa aktif berbanding individu yang tenggelam dengan rasa sedih dan kecewa setelah menerima diagnosis kanser. Bersikap positif memang dapat memberi kesan dan membantu dari segi psikologi untuk merintangi segala jenis penyakit.

**● Bolehkah penggunan telefon bimbit menyebabkan kanser?**

Tidak! Ini adalah tanggapan yang salah. Seperti yang saya telah huraikan, kanser adalah di sebabkan oleh mutasi *gene*. Radiasi dari telefon bimbit adalah berfrekeunsi rendah dan terlampau sedikit untuk merosakkan gene kita dan mengakibatkan *mutase*.

**● Adakah produk herba dapat mengubati kanser?**

Sesetengah kajian ada menunjukkan kebaikan herba mengurangkan kesan sampingan rawatan kanser TETAPI ia tidak sama sekali dapat mengubati kanser. Ini anda perlu fahami. Walaupun banyak kebaikan yang telah diuar-uarkan tentang rawatan herba, pengambilan herba ini boleh memberi kesan buruk jika ia digunakan semasa rawatan kemoterapi atau radioterapi. Oleh itu, anda perlu berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil makanan herba.

Banyak lagi tanggapan dan mitos yang sering diperkatakan masyarakat. Tetapi saya memang mengalakkan anda supaya berbincang dengan doktor anda sebelum membuat sebarang rumusan. Kesihatan anda adalah hak anda, oleh itu dapatkanlah informasi kesihatan yang betul daripada individu bertauliah.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut tentang ujian saringan kanser atau ingin mengetahui tentang apa-apa perihal kanser, anda boleh berhubung dengan **Dr Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131**

# 12 lokasi kemalangan maut Melaka dipantau



ABDUL Majid (tengah) bergambar bersama wakil agensi sempena pelancaran Op Selamat 17 sempena Tahun Baharu Cina 2022 di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

Fiqa Jamal

AYER KEROH - Polis Melaka mengenal pasti 12 kawasan hitam (blackspot) dan panas (hotspot) yang sering menjadi lokasi kemalangan maut setiap kali tiba musim perayaan.

Ketua Polis Melaka Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali berkata, menerusi Op Selamat 17, pihaknya menjangkakan lebih 120,000 kenderaan akan memasuki negeri ini.

Sehubungan itu, ujar beliau seramai 220 pegawai dan anggota Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka akan ditugaskan bermula 28 Jan hingga 6 Feb ini di lokasi tumpuan tersebut.

"Pada musim perayaan Tahun Baharu Cina kali ini kami mahu pastikan objektif sifar kematian dapat dicapai, namun kebijaksanaan dan sikap pemantu dalam mematuhi peraturan jalan raya amat penting.

"Lokasi tumpuan kami adalah lima di Melaka Tengah, empat di Alor Gajah dan tiga lagi di Jasin," katanya pada sidang media selepas melancarkan Op Selamat 17 sempena Tahun Baharu Cina 2022 di IPK Melaka, Bukit Beruang, di sini, 27 Jan lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Polis Melaka, Datuk Razali Abu Samah.

Menurut Abdul Majid, antara lokasi kemalangan yang telah dikenal pasti ialah Lebuh Alor Gajah-Melaka Tengah-Jasin (AMJ), Jalan Umbai-Sungai Udang, Jalan Rembia-Kendong, Jalan Sungai Udang-Lubuk Cina, Jalan Melaka-Muar dan Jalan Tehel-Bemban-Chabau.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan pengguna jalan raya khususnya penunggang dan pembonceng motosikal agar lebih berhati-hati berikutan golongan itu menjadi penyumbang utama kes kemalangan maut di negeri ini.

"Pada tahun 2020 sebanyak 15 kematian dicatatkan dan 10 kes membabitkan motosikal, namun tahun lalu hanya satu kes membabitkan golongan itu dicatatkan.

"Tahun lalu 458 kes kemalangan direkodkan di seluruh Melaka, turun 48 peratus berbanding tahun 2020 yang mencatatkan 876 kes," katanya.

# Bengkel kereta nyaris kena lelong

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Akibat ingkar perintah Mahkamah Buruh, harta sebuah syarikat bengkel kenderaan nyaris dilelong Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Melaka.

Pengarah JTK Melaka Johana Bakar berkata, bengkel tayar dan kereta di daerah Melaka Tengah itu sebelum ini diarah menyelesaikan bayaran penuh perintah mahkamah berjumlah RM23,493.26 kepada seorang pekerjanya yang ditamatkan perkhidmatan tanpa mengikut undang-undang perburuhan negara.

Katanya, kes yang dibawa ke Mahkamah Buruh itu berpihak kepada pekerja berkenaan selepas pihak syarikat gagal mengemukakan alasan munasabah memberhentikan pekerja berkenaan dan diarah membuat pembayaran pada 22 Feb tahun lalu.

Bagaimanapun, katanya, syarikat berkenaan didapati masih ingkar dengan arahan tersebut menyebabkan JTK Melaka dan Bailif Mahkamah Sesyen Melaka telah melaksanakan tindakan Writ Penyitaan dan Penjualan ke atas syarikat tersebut.

"Tindakan pelaksanaan untuk melevi dan melelong harta syarikat telah dilaksanakan pada 26 Jan bertempat di premis majikan yang merupakan sebuah bengkel tayar dan membaiki kenderaan di negeri ini.

"Perlaksanaan writ telah dilaksanakan pada jam 10 pagi.

"Pada jam 12.30 tengah hari syarikat tersebut akhirnya terpaksa akur dan menyelesaikan bayaran penuh perintah Mahkamah Buruh sebanyak RM23,493.26 kepada pekerja berkenaan," katanya menerusi satu kenyataan pada 26 Jan lalu.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan majikan di negeri ini agar sentiasa mematuhi undang-undang perburuhan negara bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan dijalankan terhadap mereka.



JTK Melaka dan Bailif Mahkamah Sesyen Melaka telah melaksanakan tindakan Writ Penyitaan dan Penjualan membabitkan sebuah bengkel kenderaan di daerah Melaka Tengah, 26 Jan lalu akibat ingkar perintah Mahkamah Buruh.

# Badan berbirat dibuli senior

AYER KEROH - Seorang pelajar sekolah teknik di daerah Melaka Tengah mendakwa menjadi mangsa buli pelajar senior dalam kejadian 22 Jan lalu.

Pelajar berusia 17 tahun itu mendakwa ditumbuk di perut dan dipukul secara beramai-ramai oleh lebih 10 pelajar senior selepas disoal mengenai rokok elektronik.

Abang mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Shuk, 27, berkata, kejadian itu terbongkar selepas adik bongsunya memaklumkan kejadian itu kepada isteri dengan menghantar foto kecederaan melalui aplikasi Whatsapp.

Sebaik menerima foto tersebut, dia bergegas ke asrama mangsa dan kemudian membawa adiknya itu ke Hospital Melaka untuk membuat pemeriksaan sebelum membuat laporan polisdi Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka Tengah.

"Saya kecewa kerana adik saya terpaksa menahan kesakitan dan tiada seorang rakan yang berani memaklumkan kejadian itu kepada pihak atasan.

"Jika benar adik saya bersalah sekalipun, itu bukan cara untuk mengajar sehinggakan dia (adik) mengalami trauma lebih-lebih lagi sebelum ini pernah mengalami tekanan perasaan selepas pemergian ibu dua tahun lalu," katanya kepada pemberita.

Dia turut berharap kesemua pelaku dikenakan hukuman setimpal bagi memberi pengajaran kepada orang ramai khususnya pelajar lain agar tidak mempraktikkan budaya buli di sekolah.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit mengesahkan telah menerima laporan polis yang dibuat abang mangsa pada 23 Jan lalu.

Katanya, siasatan lanjut mendapati motif kejadian bukan berpunca akibat rokok elektronik, sebaliknya perebutan seorang pelajar perempuan di sekolah berkenaan.

Menurut beliau, kes akan disiasat mengikut Seksyen 147 Kanun Keseksaan.



FOTO kecederaan dialami mangsa selepas dipukul lebih 10 senior dalam kejadian buli di sebuah sekolah teknik di Melaka Tengah.

> "Jika benar adik saya bersalah sekalipun, itu bukan cara untuk mengajar sehinggakan dia (adik) mengalami trauma lebih-lebih lagi sebelum ini pernah mengalami tekanan perasaan selepas pemergian ibu dua tahun lalu"

# Pasar raya kotor, jijik diserbu

Faiz Hasan

**MALIM** - Bukan sahaja kotor dan menjijikkan malah sebuah pasar raya, di sini sanggup menjual jeruk sayur busuk dan berbau kepada orang ramai.

Jeruk sayur itu diletakkan di dalam sebuah tong dan mengeluarkan bau kurang menyenangkan selepas dibuka oleh pegawai penguat kuasa Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Melaka yang menjalankan pemeriksaan di premis berkenaan 25 Jan lalu.

Dalam pemeriksaan sama pegawai penguat kuasa turut merampas sayur-sayuran sudah rosak, namun masih dijual kepada pengguna.

Kesalahan lain dikesan dilakukan pengusaha premis sama adalah menjual barangan import yang meragukan berikutan faktor pelabelan tidak mematuhi piawaian.

Pengarah JKN Melaka, Dr Rusdi Abd Rahman berkata, hasil serbuan itu pihaknya merampas 291 barangan dengan hasil sitaan berjumlah RM1,310.69.

"Pihak pengurusan pasar raya turut dikenakan dua notis kompaun berjumlah RM6,000 mengikut Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 di bawah Akta Pemakanan 1983.

"Kita mendapati perkara yang berlaku ini berkemungkinan disebabkan terlepas pandang atau sengaja mengambil kesempatan ke atas pengguna," katanya.

Katanya, kesalahan menjual barangan luput kerap dikesan pihaknya ketika menjalankan pemeriksaan dan berharap pihak peniaga lebih peka dengan kualiti produk dijual.

"Peniaga dinasihatkan agar memenuhi kriteria yang ditetapkan sekiranya ingin menjual barangan import, mereka perlu meletakkan nama syarikat pengimport dan pelabelan tarikh luput yang jelas," katanya.



DR Rusdi (kiri) menunjukkan jeruk sayur berbau dan jijik yang diletakkan di dalam tong berhampiran barangan basah di sebuah pasar raya.

# Ular sawa ceroboh sangkar, belit anak 'bulus'



ANGGOTA APM Alor Gajah menggunakan alat penjerut untuk menangkap ular sawa yang cuba menelan kucing di sebuah rumah penduduk.
FOTO: APM Alor Gajah

**DURIAN TUNGGAL** - Seekor ular sawa hampir empat meter panjang ditangkap anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Alor Gajah di dalam sangkar kucing sebuah rumah penduduk di Kampung Ulu Seraja, Parit Melana, di sini.

Dalam kejadian kira-kira jam 6.50 pagi 26 Jan lalu, pemangsa seberat 20 kilogram itu membelit empat daripada enam kucing peliharaan penduduk berkenaan.

Reptilia berkenaan bagaimanapun tidak sempat menelan bangkai kucing terbabit kerana dipercayai cuba membelit dua lagi kucing jantan ditempatkan dalam sangkar sama yang kemudian diselamatkan oleh anggota APM.

Pengadu, Hasmi Hasan berkata, terdahulu sekitar jam 3 pagi dia dan isterinya Ruzita Abu Bakar, dikejutkan dengan bunyi bising dan suara kucing mengiau dengan kuat.

"Saya tak hiraukan kerana menyangka ada kucing jantan lain yang mengganggu kucing saya. Namun anak, Nor Shuhaida Aqila, beritahu ada ular sawa di dalam satu daripada tiga sangkar ketika memeriksa kucing peliharaan kami.

"Baru kali ini kucing peliharaan kami jadi sasaran ular sawa, memang tak dinafikan saya berasa sedih dan terkejut. Hairan bagaimana reptilia itu boleh masuk kerana lubang sangkar kecil," katanya yang memelihara keseluruhan 14 kucing baka tempatan.

Sementara itu, Pegawai Operasi, Bencana dan Logistik Pejabat Pertahanan Awam Daerah (PPAD) Alor Gajah, Leftenan (PA) Abdul Hadi Baharom berkata, pihaknya menerima panggilan pada jam 6.50 pagi sebelum bergegas ke tempat kejadian bersama empat anggota.

Katanya, empat anggota APM diketuai Sarjan Mohamad Faizal Ahmad tiba di lokasi pada jam 7.25 pagi dan mengambil masa kira-kira lima minit untuk menangkap ular sawa berkenaan.



# Melaka Sentral dipindahkan - MBMB



**PERKHIDMATAN bas di Melaka Sentral akan berpindah ke lokasi sementara bagi memberi laluan kepada projek pembangunan semula.** Foto: Iqmal Haqim Rosman

**Faiz Hasan**

**BANDARAYA MELAKA** - Melaka Sentral akan dipindahkan ke lokasi sementara pada tahun ini bagi memberi laluan Projek Pembangunan Semula Melaka Sentral.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Datuk Zainal Abu berkata, langkah itu bagi memastikan penggunaan tanah di kawasan itu dapat dioptimumkan.

Beliau berkata, setakat ini pihaknya sedang menunggu pelan susunan terminal sementara yang dicadangkan di tapak lama Pasar Besar Melaka sementara menunggu projek itu siap sepenuhnya dalam tempoh tiga hingga lima tahun.

"Kita mencadangkan pemindahan itu perlu dilaksanakan segera bagi mengoptimumkan penggunaan tanah dalam kawasan tengah bandar.

"Perkara ini perlu mendatangkan hasil baharu kepada Melaka Sentral dan tak mungkin pembangunan untuk pembinaan bangunan hanya satu tingkat sahaja.

"Melaka Sentral perlu ambil peluang ini dengan memanfaatkan pembangunan di kawasan itu, seperti perlu ada pangsapuri, pusat beli-belah dan dilengkapi terminal pengangkutan bersepadu," katanya.

Menurut Zainal, MBMB masih menantikan keputusan pelan pemindahan sementara daripada Melaka Sentral yang dijangka akan diserahkan pada Feb ini.

"Kita masih menantikan pelan itu yang sepatutnya diserahkan minggu ini untuk melihat kesesuaiannya dan sekiranya tidak memenuhi piawaian Melaka Sentral perlu mencari kawasan lain yang lebih strategik untuk pemindahan ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Program Cabutan Cukai Bertuah MBMB 2022, di sebuah hotel, di sini, 27 Jan lalu.

Zainal berkata, pembayar cukai bertuah MBMB bakal memandu pulang sebuah Perodua Bezza Premium X bernilai RM44,000 menerusi program cabutan bertuah berkenaan yang dibuka sehingga 31 Mac depan.

Selain Perodua Bezza, pelbagai lagi hadiah keseluruhan berjumlah RM110,000 turut ditawarkan dalam cabutan bertuah itu.



**GHAZALE (kanan) ketika meninjau gerai sayuran di Pasar Tani Khas Tahun Baharu Cina di Jasin.**

# Melaka perkenal pasar subuh di 50 masjid

**Fiqa Jamal**

**JASIN** - Kerajaan melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) negeri bakal memperkenalkan 'pasar subuh' yang akan beroperasi di 50 masjid sekitar Melaka.

Ahli Lembaga Pengarah FAMA, Datuk Wira Ghazale Muhamad berkata, perkara itu masih diperingkat perbincangan antara FAMA, Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Persatuan Peniaga Kecil Melaka dan agensi berkaitan.

Katanya, langkah itu secara tidak langsung dapat memeriahkan suasana di masjid pada awal pagi selain membantu usahawan tani menjana pendapatan.

"Perkara mengenai masjid bakal menjadi tapak pasar subuh masih diperingkat perbincangan, kena sesuai dengan keluasan dan jumlah peniaga boleh membuka gerai jualan.

"Perkara ini adalah cadangan kerajaan negeri dan FAMA diarahkan untuk melaksanakannya, jadi kita akan cuba buat sebaik mungkin.

"Dalam perancangan, pasar subuh ini akan bermula hujung Februari, operasinya dijangka bermula pada jam 6.30 atau 7 pagi," katanya pada sidang media selepas meninjau Pasar Tani Khas Tahun Baharu Cina di Jasin, 26 Jan lalu.

Ghazale berkata, setakat ini 11 Pasar Tani dan Melaka Agro Market (MAM) kendalian FAMA beroperasi di seluruh Melaka.

"Di sini (Pasar Tani dan MAM) menawarkan pelbagai barangan basah pada harga lebih rendah berbanding pasaran," katanya.

Tambahnya, pihak FAMA turut menyasarkan nilai jualan sebanyak RM4 juta untuk kesemua Pasar Tani yang beroperasi di Melaka pada tahun ini.

# Harga ayam kampung terpaksa dinaikkan - penternak

**Din Ahmad**

**AYER LIMAU** - Ayam kampung sebelum ini dijual pada harga RM15 satu kilogram (kg) naik antara RM16 hingga RM17 satu kg sejak hujung bulan lalu.

Penternak mendakwa, perkara itu tidak dapat dielakkan kerana berlaku kenaikan ketara makanan ayam seperti dedak dan jagung sejak 2018.

Zulkifli Mat Dali, mendakwa harga terkini seguni dedak seberat 50kg naik kepada RM130 berbanding empat tahun lalu yang cuma RM100.

"Ketika itu harga makanan ayam dan itik tidaklah tinggi macam sekarang. Kenaikan harga ternakan itu antara 30 sen hingga 50 sen saja.

"Mahu atau tidak saya terpaksa jual ayam kampung pada harga RM16 satu kg," katanya ketika ditemui di Kampung Telok Berembang, Lubok Cina.

Sementara itu penternak di Kampung Pasir Gembor, Tanjung Bidara, Mohd Farid Baharom juga terpaksa menaikkan harga ternakannya kepada RM17 satu kg berikutan kos makanan meningkat.

"Harga makanan ayam menggunakan campuran seperti gandum dan jagung naik sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 pada Mac 2020.

"Harga seguni makanan ayam 50kg sebelum Mac 2020 adalah RM100. Harga meningkat antara RM2 hingga RM3 sejak PKP 1.0 hinggalah sekarang mencecah RM135.

"Saya memperuntukkan 100 kg makanan ayam sehari untuk 1,000 ekor ternakan. Dengan kos RM270 sehari saya terpaksa membelanjakan RM8,100 sebulan," katanya.

Mohd Farid berkata, kos ditanggung sekarang jauh lebih tinggi berbanding hanya RM6,100 sebulan sebelum PKP 1.0.



**MOHD Farid memberi makan kepada ayam ternakannya di Kampung Pasir Gembor, Tanjung Bidara.**

# 'Dulu 35 sen sekarang RM20'

Faiz Hasan

**BANDA HILIR** - Akhbar lama bertulisan jawi tahun 1980 naik hampir 60 kali ganda pada masa kini dan menjadi rebutan peminat barangan antik di negeri ini.

Mana tidaknya, akhbar yang dahulu berharga 35 sen senaskhah (tahun 1980 hingga 1985) kini berharga RM20.

Rata-rata akhbar yang berdakwat hitam putih masih lagi disimpan dan dijual peminatnya sebagai koleksi peribadi pencintanya.

Seorang peniaga, Normah Jaafar, 58, berkata, akhbar Utusan Melayu antara koleksi yang berjaya dikumpul sejak tahun 2000 bersama suaminya, Roslan Abu Hasan.

Katanya, walaupun berusia hampir setengah abad, akhbar itu tidak reput mahupun dimamah usia kerana dijaga dengan cukup rapi.

"Koleksi ini hasil bersama rakan-rakan yang lain mengumpul dan bertukar-tukar koleksi untuk dipamer serta dijual.

"Kita selalu menjual di sekitar Johor dengan pelbagai koleksi unik seperti bingkai iklan lama, kotak mancis pelbagai hotel dan pelbagai lagi.

"Seperti akhbar yang dikumpul ini ada peminatnya tersendiri dan kini memang ada sambutan dalam pelbagai ekspo yang kami sertai," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Akhbar berkenaan merupakan antara tarikan dalam Bundle Expo yang berlangsung di Pusat Beli Belah Elements Mall, 20 hingga 23 Jan lalu.

Selain akhbar lama, pelbagai koleksi barangan antik turut dijual pada pameran ekspo berkenaan.

Ekspo terbesar Asia Tenggara itu menampilkan 130 gerai jualan dan mendapat sambutan cukup hebat daripada orang ramai.



**AKHBAR lama Utusan Melayu bertulisan Jawi yang dijual pada harga RM20 senaskhah pada Bundle Expo di Elements Mall 20 hingga 23 Jan lalu.**



# Restoran asam pedas terbesar M'sia dibuka 15 Feb

Fiqa Jamal

**KLEBANG** - Restoran Asam Pedas Power Perigi Hang Li Po Klebang akan memulakan operasi 15 Feb ini bakal menjadi satu lagi tarikan pelancong yang datang ke negeri ini.

Pemiliknya Muhammad Firdaus Abdul Aziz berkata, cawangan keempat itu juga bakal mendapat pengiktirafan daripada *Malaysia Book Of Records* (MBOR) kerana mampu menampung hingga sehingga 1,500 pelanggan pada satu masa.

Katanya, restoran dibina diatas tapak seluas 0.22 hektar itu turut menyediakan pelbagai kemudahan lengkap untuk keselesaan pelanggan singgah menjamu selera.

"Kita sediakan sebanyak 360 meja dan sasaran kami adalah menghidangkan 1.5 juta masakan asam pedas setahun. Pengiktirafan daripada MBOR nanti bakal menjadikan restoran ini sebagai antara lokasi tarikan utama pelancong," katanya kepada Melaka Hari Ini, baru-baru ini.

Dia memberitahu, antara kelainan ditawarkan di restoran itu adalah pelanggan boleh menentukan sendiri tahap kepedasan kuah asam pedas yang dipesan.

"Kuah asam pedas ditawarkan ada dua jenis iaitu 'original' (asli) dan pedas. Pedas original tidaklah terlalu pedas masih sesuai untuk kanak-kanak dan pelancong asing.

"Peminat hidangan pedas boleh pilih kuah pedas 'terbakar' yang kena dengan selera mereka," katanya.

Muhammad Firdaus berkata, idea membuka restoran asam pedas terbesar itu timbul selepas kerajaan memberi kelonggaran dengan membenarkan pelanggan makan di restoran (*dine-in*).

"Ketika itu, saya lihat ramai yang datang ke Melaka untuk menikmati asam pedas hingga menyebabkan kedai dan restoran menjual hidangan itu penuh. Timbul idea untuk buka cawangan keempat dengan keluasan boleh menampung pelanggan dalam jumlah yang ramai.

"Bukan saja selesa pelanggan datang bersama keluarga tak perlu tunggu lama untuk menjamah hidangan, parkir juga banyak boleh menampung 150 kenderaan pada satu masa," katanya.




**MUHAMMAD Firdaus bergambar di hadapan Restoran Asam Pedas Power Perigi Hang Li Po di Klebang yang akan dibuka 15 Feb ini.**

# RM2,000 untuk anak Melaka ikuti kursus usahawan

Faiz Hasan

**AYER KEROH** - Peruntukan khas RM2,000 akan disalurkan buat anak jati Melaka yang mengikuti Kursus Bimbingan Usahawan secara percuma selama 14 hari di negeri ini.

Pengurus Besar Institut Tun Perak (ITP), Hazzlan Sama berkata, program itu ditawarkan kepada pemegang diploma atau ijazah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), politeknik dan kolej komuniti belum bekerja yang menamatkan pengajian pada 2019, 2020 serta 2021.

Jelasnya, peruntukan tunai secara '*one-off*' akan disalurkan kepada peserta berjaya menamatkan kursus berkenaan yang dianjurkan kerajaan negeri menerusi kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

"Kursus Bimbingan Usahawan dibawah program inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) *Career Advancement Programme* (CAP) - *Gradpreneur@State* atau program Latihan keusahawanan akan diadakan pada peringkat negeri.

"Menerusi kursus ini peserta juga akan disertakan dengan Sijil Kompetensi atau Profesional dan didedahkan dengan bimbingan mendaftar syarikat menerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

"Empat sesi akan dibuka sepanjang kursus pada tahun ini dengan kuota seramai 50 peserta pada setiap kursus," katanya.

Katanya, bagi tahun ini kursus dimulakan dengan '*Young Agropreneur Program*' pada 21 Mac hingga 3 April, diikuti '*Transformation Business Into e-Commerce Programme*' (21 Mac - 3 April); '*The Secret of How To Set Up Printing Production Business*', (16 Mei - 29 Mei) dan '*The Secret of How To Online The Business and Marketing Like Pro*' (16 Mei - 29 Mei).

"Tempat adalah terhad, sebarang maklumat lanjut berkaitan permohonan dan pendaftaran boleh hubungi talian 06-317 4475 atau 011-1111 7547 atau emel ke institutunperak@gmail.com atau talian faks di 06-317 2671," katanya.



**ANAK Melaka yang mengikuti Kursus Bimbingan Usahawan bakal menerima peruntukan khas RM2,000. Gambar hiasan - Foto: MR Azli**


Selamat Menyambut
TAHUN BAHARU CINA
2022
Setulus Ikhlas daripada
MAMEE®
MI SEGERA
MAMEE
SLLRRRP!
MAMEE
MONSTER
MISTER POTATO
DOUBLE DECKER
CORNTOZ
nutrigen™
Cheers
MAMEE
Chef
MALAYSIA
HALAL
Mamee-Double Decker (M) Berhad
Lot 1, Air Keroh Industrial Estate, 75450 Melaka, Malaysia. Tel: +606-232 4466/232 4469 Fax: +606-232 9696
www.mamee.com

# Melaka anjur kejohanan Muaythai Mac depan



ATLET SUKMA Melaka, Nur Atiqah Zainuddin antara atlet tumpuan dalam sukan muaythai di Melaka.

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**AYER KEROH** - Melaka bakal menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Muaythai Terbuka Negeri Melaka yang dijangka akan diadakan pada 26 Mac depan.

Presiden Persatuan Muaythai Negeri Melaka Emrito @ Haris Alias berkata, kejohanan itu bakal diadakan di Dewan Datuk Hj Ahmad Ithnin, Merlimau.

Katanya, ia juga dijangka menarik seramai 100 atlet muaythai profesional seluruh negara bagi memburu gelaran juara.

"Bagi Melaka sendiri, kita akan mempertaruhkan seramai 20 atlet terbaik dalam misi meraih kejuaraan.

"Diharap aksi di laman sendiri dapat memacu kejayaan kepada atlet muaythai Melaka dalam kejohanan ini," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Melaka turut menghantar seramai 30 atlet untuk beraksi dalam Kejohanan Muaythai Antara Kelab-kelab Persatuan Muaythai Malaysia (PMM) Kebangsaan 2022 yang berlangsung 27 hingga 30 Jan lalu.

Menurutnya, 30 atlet itu membabitkan seramai 15 atlet SUKMA Melaka, 10 atlet sekolah rendah dan menengah Melaka serta lima atlet dari Sekolah Henry Gurney.

"Selain misi memburu pingat emas, kejohanan itu juga dapat mempersiapkan atlet muaythai Melaka untuk menyertai lebih banyak kejohanan besar di masa akan datang," katanya.



ORANG ramai mencuba simulator F1 yang disediakan dalam siri Jelajah Petronas di Mahkota Parade. Foto Iqmal Haqim Rosman.

# Teruja dapat 'pandu' jentera F1

**Fiqa Jamal**

**BANDA HILIR** - Replika jentera Formula One (F1) dan peluang memandu simulator paling menarik perhatian pengunjung singgah ke Siri Jelajah Petronas Motosports di pusat beli-belah Mahkota Parade, di sini, yang berlangsung 22 Jan lalu.

Jumlah pengunjung yang singgah ke siri jelajah itu juga amat menggalakkan khususnya membabitkan peminat sukan permotoran itu.

Bagi pengunjung Uzair Abu Hanifah, cuaca panas tidak menghalangnya daripada menunggu giliran untuk mencuba simulator kereta lumba F1.

"Meskipun memandu simulator tapi saya dan rakan-rakan berasa seperti berada di litar lumba sebenar.

"Siri jelajah seperti ini memberikan pelbagai pendedahan mengenai teknologi terkini sukan permotoran kepada kami," katanya.

Seorang lagi pengunjung Muhammad Hafriz Zulkhaini berkata, dia mengetahui mengenai siri jelajah itu selepas terbaca hebahan yang tular di media sosial.

Katanya, pengunjung juga berpeluang membeli barangan jenama terkenal itu pada harga yang amat berpatutan.

"Memang seronok kerana dapat ambil banyak gambar menarik dan tiada bayaran masuk dikenakan.

"Saya bersama keluarga dari Kuala Lumpur, jadi berbaloi untuk kami habiskan masa bercuti di Melaka," katanya.

# Zii Jia dapat restu jadi pemain profesional

**KUALA LUMPUR**- Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM) Tan Sri Mohamad Norza Zakaria telah memberikan lampu hijau kepada pemain perseorangan lelaki nombor satu negara Lee Zii Jia untuk beraksi sebagai pemain profesional.

"Confirmed (Sah)," kata Mohamad Norza dalam maklum balas ringkasnya ketika dihubungi untuk mendapatkan penjelasan mengenai hantaran Zii Jia dalam Facebooknya, 25 Jan lalu.

Ia selepas Zii Jia menyatakan bahawa Mohamad Norza telah 'merestui' hasratnya untuk menjadi pemain profesional selepas perjumpaan daripada hati ke hati antara Mohamad Norza dengan beliau bersama ibu bapanya.

"Saya gembira kami sudah menyelesaikan isu ini dengan BAM selepas menerima 'restu' Tan Sri untuk saya menjadi pemain profesional.

"Pencapaian saya di masa lalu dan akan datang akan sentiasa merupakan hasil usaha Tan Sri Norza, BAM dan Malaysia.

"Saya sentiasa berterima kasih dengan bimbingan dan jagaan Tan Sri dan memberikan saya peluang untuk berkhidmat kepada negara yang saya cintai," kata Zii Jia.

Oleh itu, pemain nombor tujuh dunia itu berkata beliau akan kembali beraksi dengan menyertai Kejohanan Badminton Berpasukan Asia (BATC) 2022 yang dijadualkan berlangsung di Pusat Konvensyen Setia City, Selangor dari 15 hingga 20 Feb ini.

Pada masa sama, anak kelahiran Kedah menggesa semua peminat sukan supaya terus menyokong BAM dan pemain profesional negara, yang bakat mereka juga digilap oleh BAM. - BERNAMA



NORZA (tengah) bersama Zii Jia (kiri) dan ahli keluarganya dalam pertemuan hati ke hati, baru-baru ini.




Setulus ikhlas daripada

MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
majlis perbandaran ALOR GAJAH
MPJ MAJLIS PERBANDARAN JASIN
MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA MPHTJ Bandaraya Pintar

Datuk Bandar, Yang Dipertua,
Ahli-Ahli Majlis, Setiausaha, Ketua-Ketua Jabatan
Serta Seluruh Warga Kerja Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka

# Sukan
MELAKA HARI INI



>> Zii Jia, BAM berdamai 30



>> Teruja dapat 'pandu' jentera F1 30



>> Muaythai Melaka mengorak langkah 30



SESI latihan pra musim pertama MUFC di Stadium Hang Tuah. (Foto: Melaka United FC)



OTI



BAAS

# Kekuatan baharu Melaka United

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**KELAB** Bolasepak Melaka United (MUFC) bakal berwajah baharu apabila mempertaruhkan tiga pemain import baharu bagi menghadapi saingan Liga Super musim 2022.

Antara yang bakal memperkuatkan jentera serangan pasukan ialah bekas penjaring terbanyak Liga Malaysia musim 2020 dan 2021, Ifedayo Olusegun.

Ifedayo, 31, bukanlah nama asing dalam arena bola sepak Melaka memandangkan pemain kelahiran Nigeria itu pernah menyarung jersi hijau putih pada musim 2018.

Kepulangannya ke bumi Hang Tuah bakal membawa misi untuk mengekalkan rekod selaku peledak berbisa dan penjaring terbanyak pasukan.

Selain itu, MUFC turut mengumumkan kehadiran dua tonggak import baharu, Emmanuel Oti Essigba dan Justin Baas bagi memperkuatkan pasukan dalam saingan musim ini.

Oti, 25, pemain sayap dari Ghana sebelum ini pernah beraksi bersama dalam saingan Liga Jepun J1 League musim lalu iaitu bersama kelab Vegalta Sendai.

Dia juga pernah beraksi bersama beberapa kelab sekitar Eropah antaranya kelab Portugal, Braga B, Esbjerg fB (Denmark) dan FC Vizela (Portugal) selain pernah beraksi di Liga 1 Indonesia bersama Madura United pada 2020.

Manakala Baas pula merupakan pemain kebangsaan Filipina yang beraksi di posisi pertahanan.

Pemain berusia 21 tahun yang berdarah kacukan Belanda-Filipina itu sebelum ini beraksi bersama United City FC dan merupakan antara produk akademi kelab Belanda, AZ Alkmaar.

Selain tiga nama itu, MUFC turut mengekalkan dua pemain import lama iaitu Sony Norde dan Adriano Narcizo.

Sementara itu, Pengurus Pasukan Muhammad Akram Abdullah berkata, ketiga-tiga pemain import itu dijangka akan mula berlatih bersama pasukan pada awal Feb.

Katanya, ia berikutan kesemua mereka bersama Norde perlu menyelesaikan beberapa dokumen untuk memasuki negara ini.

"Ketua Jurulatih baharu, Risto Vidaković bersama Jurulatih Kecergasan, Dževad Šarić yang kedua-duanya warga Bosnia & Herzegovina juga dijangka menyertai pasukan pada awal Februari," katanya.

Menurutnya buat masa ini, hampir kesemua pemain tempatan Melaka United sudah mula menjalani latihan pra musim pertama 2022 di Stadium Hang Tuah.

Latihan itu dikendalikan Penolong Jurulatih Mohd Asri Ninggal dan Nazrolerwan Makmor serta Jurulatih Penjaga Gol Azlisham Ibrahim.



IFEDAYO

Diterbitkan oleh Melaka Hari Ini Sdn. Bhd., (199701017821), Bangunan Rumah Media Melaka, Jalan Lingkaran MITC, 75450 Ayer Keroh, Melaka. Tel : 06 - 251 9314, 251 9315 Faks : 06 - 251 9316
Dicetak oleh Ultimate Print Sdn. Bhd. (62208-H) Lot 2, Jalan Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40000 Shah Alam, Selangor.